


Jilid II
Bil. 61



Hari Jumaat
2hb Disember, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10421]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.53 [Ruangan 10470]

Maksud B.54 [Ruangan 10476]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1989

Jawatankuasa—

Maksud P.53 [Ruangan 10470]

Maksud P.54 [Ruangan 10476]

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 10468]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 10469]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK. D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.s. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.p. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Tirabalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Srn ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.H.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, s.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHLAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIH BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PIJNGGA *alios* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN. LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ **TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).**
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BiN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BiN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABPULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN P I N G BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* T U SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 2hb Disember, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengeruskan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**JALAN RAYA NEGERI—
MENAIKKAN TARAF**

1. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Kerjaraya menyatakan bahawa dalam tempoh 3 tahun (1985-1988) berapa banyak dan panjang jalan-jalan Negeri telah dinaikkan taraf menjadi jalan Persekutuan. Adakah jalan-jalan itu semuanya telah ditarkan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, di dalam tempoh 3 tahun iaitu di antara tahun 1985 hingga 1988 Kerajaan telah mengambil alih sepanjang 6,195.14 kilometer jalan raya di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah tersebut sepanjang 1,127.8 kilometer jalan raya telah pun ditarkan dan sepanjang 5,067.3 kilometer belum ditarkan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kerjaraya memberi angka ini mengikut pecahan negeri-negeri dan apakah asas-asas ataupun kriteria-kriteria yang digunakan oleh Yang Berhormat untuk melayakkan jalan Negeri itu dinaikkan taraf ke jalan Persekutuan?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, panjang jalan raya di negeri-negeri dan angka-angka ialah seperti berikut:

Sabah 671.76 kilometer telah ditar.
Sarawak 392.13 kilometer telah siap.
Labuan 63.95 kilometer.

Panjang jalan yang belum ditar:

Sabah 394.89 kilometer.
Sarawak 884.87 kilometer.
Labuan 53.5 kilometer.

Kerja-kerja di rancangan-rancangan tanah iaitu jalan FELDA 3,734.49 kilometer belum ditar lagi. Semua ini berjumlah 5,067.30 kilometer. Jalan-jalan ini sedang dalam rancangan sekarang di negeri Sabah dan Sarawak dan saya percaya apabila tender-tender telah ditawarkan kepada kontraktor di kedua-dua negeri iaitu Sabah dan Sarawak banyak kerja-kerja akan dimulakan pada tahun akan datang.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi cadangan ataupun anggaran jumlah jalan yang akan dinaikkan taraf dan ditar bagi tahun 1989, tahun hadapan di seluruh negara ini dan mengikut pecahan-pecahan negeri serta berapakah anggaran perbelanjaan yang akan dikeluarkan oleh pihak Kementerian?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi angka-angka seperti diminta oleh Ahli Yang Berhormat, saya percaya satu jam pun

tidak cukup. Barangkali saya berkehendakkan 3 jam oleh kerana projek ini banyak. Saya minta notis.

SENJATA API-SYARAT PEMILIKAN

2. **Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah syarat-syarat utama yang harus dipenuhi oleh seseorang pemohon untuk mendapatkan kelulusan memiliki senjata api:

- (a) berapa lamakah masa diambil oleh pihak yang berkuasa untuk menjawab sesuatu permohonan senjata api sama ada lulus atau sebaliknya; dan
- (6) apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang yang dilantik sama ada oleh pemilik senjata api (yang berlesen) itu sendiri ataupun oleh Mahkamah demi untuk melayakkannya untuk mewarisi senjata api berkenaan bila dikehendaki atau dianggap perlu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat utama bagi seseorang pemohon itu untuk mendapatkan kelulusan memiliki senjata api adalah seperti berikut:

- (i) pemohon hendaklah mempunyai asas keperluan memiliki senjata api. Umpamanya jika senjata api telah dipohon untuk kegunaan mencegah musuh tanaman, maka pemohon hendaklah membuktikan bahawa beliau mempunyai dusun buah-buahan sendiri dengan keluasan yang munasabah dan di atas dusun berkenaan terdapat musuh tanaman yang merosakkan tanaman secara serius;

- (ii) pemohon hendaklah bersih dari tapisan Jabatan Siasatan Jenayah atau Cawangan Khas Polis;

- (iii) pemohon hendaklah sihat dan layak dari segi emosi, mental dan fizikal untuk menggunakan senjata api; dan

- (iv) pemohon hendaklah mempunyai sifat dan perangai yang baik.

Berhubung dengan proses permohonan senjata api pada biasanya ia akan mengambil masa dalam tempoh 3 bulan hingga 6 bulan. Cuma sebahagian kecil sahaja permohonan yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh itu tetapi ini jarang-jarang berlaku. Kelewatan ini pada lazimnya ialah kerana permohonan itu perlu dikaji dan disemak dengan teliti oleh pihak dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan di peringkat daerah dan negeri.

Ada juga kelewatan yang berpunca dari kelewatan pemohon memberi maklumat yang tidak lengkap seperti salinan hakmilik tanah, surat mentadbir pusaka, pertukaran alamat dan sebagainya. Di samping itu ada juga yang berpunca dari kegagalan pemohon sendiri menghadiri temuduga pada masa yang ditetapkan. Saya percaya jika pemohon memberikan kerjasama untuk mengatasi perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, maka masalah kelewatan seperti ini akan dapat dihindari.

Bagi orang-orang yang dilantik oleh pemilik senjata api atau mahkamah untuk mewarisi sesuatu senjata api, maka syarat-syaratnya adalah sama seperti syarat-syarat biasa pemilikan senjata api sebagaimana yang saya sebutkan di awal tadi. Ini adalah kerana senjata api bukanlah merupakan harta yang boleh diwarisi secara automatik seperti harta-harta yang lain.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah pemilik senjata api setakat hari ini?

Yang keduanya, sama ada tiap-tiap mereka yang memohon untuk mendapat senjata api ini dikenakan bayaran lesen dan jika dikenakan, berapakah jumlah kutipan yang dipungut setakat ini oleh Kerajaan terhadap lesen-lesen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini jauh menyimpang dari soal asal. (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan syarat memiliki senjata api yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi, iaitu syarat ketiga, di mana antara lain, memohon mesti dari segi emosi dan mentalnya baik. Sekarang terdapat mereka yang memiliki senjata api tetapi dari segi emosinya agak keterlaluan. Apakah tidak boleh lesen ini ditarik balik untuk mengelakkan mereka ini menggunakan senjata api secara yang salah kalau emosinya terlampau tinggi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perkara emosi ini mestilah ditentukan oleh pakar yang tertentu. Penilaian tidak boleh dibuat oleh sesiapa sahaja. Kalau sekiranya doktor telah mengesahkan bahawa emosinya itu tak betul, tak sesuai, barulah kita mengambil pertimbangan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa ada setengah-setengah pemegang lesen senjata api ini satu lesen tetapi dia memiliki lebih daripada satu senjata. Adakah Kementerian Dalam Negeri telah pun menyasiat perkara ini dan kalaupun

telah dibuat siasatan, berapa ramaikah yang terlibat dengan mereka yang memiliki satu lesen senjata api tetapi memiliki lebih daripada satu, mungkin dua atau tiga.

Kedua, mereka yang telah menganggotai RELA mungkin di peringkat Negeri atau peringkat Kawasan, apakah mereka ini diberi keutamaan di dalam memiliki senjata api kerana pada pendapat saya lebih layak diberikan kepada orang-orang yang memasuki anggota RELA.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah satu lesen banyak senjata api ini, perkara ini pada pengetahuan saya tak timbul kerana tiap-tiap senjata api yang dipunyai oleh seseorang mesti mempunyai lesen masing-masing. Kalau misalnya seseorang itu mempunyai senapang patah dan juga pistol, kedua-duanya mempunyai lesen yang berasingan. Bagaimanapun, pihak Kementerian akan mengambil perhatian atas perkara ini.

Nombor dua, tentang Pasukan RELA. Tiap-tiap Unit RELA yang aktif yang mengandungi 10 orang ahli akan diberi 4 pucuk senapang patah. Bagaimanapun kalau sekiranya ada ahli-ahli RELA yang mempunyai syarat sepertimana yang saya katakan tadi, mereka boleh memohon dan keutamaan akan diberi kepada mereka.

PIHAK BERKUASA TEMPATAN— FUNGSI

3. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rata-rata di seluruh negara, Pihak Berkuasa Tempatan sama ada Majlis Daerah, Majlis Tempatan dan sebagainya tidak dapat berfungsi dengan cekap dan memuaskan. Ini menyebabkan

keadaan kawasan Majlis tidak sempurna dan kotor. Jika ya,

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi peruntukan bagi membolehkan pihak berkenaan menjadi lebih cekap dan berkesan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang sedar bahawa terdapat beberapa Pihak Berkuasa Tempatan di negara kita tidak dapat berfungsi dengan cekap dan memuaskan, khususnya dalam penyelenggaraan kebersihan kawasan-kawasan di majlis-majlis yang tertentu.

- (a) Sesungguhnya kecekapan sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan dalam memberi perkhidmatan yang cekap seperti penyelenggaraan kebersihan dan sebagainya banyak bergantung kepada kedudukan kewangan majlis-majlis yang berkenaan. Salah satu masalah yang dihadapi oleh beberapa Pihak Berkuasa Tempatan yang sebenarnya di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri ialah kekurangan kewangan. Masalah ini menjadi lebih menyulitkan apabila beberapa Kerajaan Negeri tidak berkeupayaan untuk membantu mereka, khususnya dalam keadaan ekonomi yang kurang menggalakkan pada beberapa tahun yang lalu.
- (b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam memperbaiki kedudukan

kewangan mereka agar mereka dapat menjadi lebih berdikari. Antara langkah-tangkah ialah:

- (i) membantu pihak berkuasa dalatn mengenalpasti cara-cara menambahkan hasil pendapatan mereka;
- (ii) membantu Pihak Berkuasa Tempatan menjadi lebih cekap dari segi mengoptimalkan penggunaan tenaga pekerja yang sedia ada serta memperbaiki prosidur memungut sampah-sarap; dan
- (iii) membantu Pihak Berkuasa Tempatan mengenalpasti cara-cara yang lebih cekap dalam mengutip hasil dan cukai.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu ketika dahulu semasa Kerajaan mengambil alih Majlis-majlis Tempatan atau Majlis-majlis Perbandaran yang diwujudkan satu Majlis Daerah di seluruh negara kita, Kerajaan ada memberi peruntukan dari segi geran pelancaran dan tempoh Majlis-majlis Daerah itu akan berdikari. Jadi, saya ingin tahu adakah selepas daripada tempoh 10 tahun Majlis-majlis Daerah diwujudkan, Kerajaan akan buat kajian dari segi pemberian geran pelancaran kerana kita dapati ada Majlis-majlis Daerah yang tidak mampu untuk berfungsi dengan sendirinya dari segi pendapatan hasilnya kurang dan sebagainya. Jadi, saya ingin tahu adakah Kerajaan Pusat akan memberi bantuan setelah tempoh tamat 10 tahun dari segi geran pelancarannya dan apakah Kerajaan akan membuat kajian tempoh 10 tahun itu akan dilanjutkan lagi memandangkan Majlis-majlis Daerah itu tidak dapat bergerak kerana kekurangan hasil pendapatan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, selepas Penguasa-penguasa Tempatan disusun semula semenjak tahun 1976 apabila Akta Kerajaan Tempatan diluluskan, geran-geran pelancaran seperti dijanjikan oleh Kerajaan Pusat telah pun diberi kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Geran-geran pelancaran yang telah diberi sehingga sekarang adalah lebih kurang \$106 juta bagi Penguasa-penguasa Tempatan. Selain dari itu, pihak Kerajaan Pusat pada tiap-tiap tahun juga memberi geran-geran tahunan sebanyak \$90 juta kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Kementerian sentiasa membuat kajian tentang perjalanan Penguasa-penguasa Tempatan.

Sebenarnya satu Jawatankuasa Penyemakan Semula Kerajaan Tempatan juga telah ditubuhkan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan untuk mengkaji kedudukan bidang Kerajaan Tempatan di negara supaya dapat memelihara satu sistem Kerajaan Tempatan yang dapat berfungsi dengan lebih cekap dan memuaskan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar antara sebab-sebab Penguasa Tempatan ini kurang cekap dan kurang memuaskan adalah kerana pertindihan kuasa dan kurang kefahaman di antara orang-orang politik dan juga pihak pentadbir di Penguasa Tempatan masing-masing. Kalau sedar, apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi supaya masing-masing mengenali tugas dan peranan di dalam mencapai objektif ke arah yang memuaskan di Penguasa-penguasa Tempatan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju pada keseluruhannya bahawa satu sebab Penguasa-penguasa Tempatan tidak begitu cekap adalah kurang faham tentang peranan yang perlu dimainkan

oleh ahli-ahli Penguasa-penguasa Tempatan. Walau bagaimanapun, kita dari masa ke masa mengadakan beberapa kursus-kursus dan juga seminar-seminar untuk menyelidiki ahli-ahli Penguasa Tempatan supaya mereka lebih fasih tentang tanggungjawab dan juga peranan. Begitu juga kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap Penguasa-penguasa Tempatan dari masa ke masa kita mengadakan kursus-kursus untuk meningkatkan taraf pekerjaan masing-masing dari segi tugas yang dipegang oleh mereka.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar Majlis Tempatan tidak berfungsi begitu baik dan cekap oleh sebab penubuhannya kerana semua ahli-ahli Majlis Daerah tidak payah mengadakan public accountability, dengan izin, sebab mereka bukan dipilih. Adakah pihak Kementerian ataupun Kerajaan bercadang mengadakan semula sistem pilihanraya tempatan untuk menubuhkan kuasa-kuasa tempatan ini?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan yang pertama, adalah benar bahawa public accountability bukanlah direct tetapi indirect, oleh kerana ahli-ahli pihak berkuasa tempatan diletak di bawah Kerajaan Negeri, maka Kerajaan-kerajaan Negerilah sebenarnya bertanggungjawab dan mempunyai public accountability.

Bagi jawapan kepada soalan yang kedua, tidak.

PENDAFTARAN DARUL ARQAM

4. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa pertubuhan Darul Arqam mempunyai

organisasi yang mengandungi ketua-ketua yang melebihi dari 5 orang tetapi tidak mendaftar sebagai yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966. Mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan di atas pertubuhan yang tidak berdaftar ini. Sedangkan ianya bertindak bebas di seluruh negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, pergerakan Darul Arqam adalah merupakan sebuah badan bercorak keagamaan yang mana aktiviti utamanya adalah menjalankan kerja-kerja dakwah Islamiah. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja orang Islam yang mengajar atau menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan hukum syarak.

Mengenai gerakan kumpulan al-Arqam ini Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri telah pun mengambil beberapa tindakan iaitu mengharamkan buku Aurad Muhammadiyah yang menjadi pegangan ahli-ahli al-Arqam di samping mempertingkatkan penguasaan undang-undang mengenai kebenaran bertulis atau tauliah bagi mengajar atau berdakwah kepada orang ramai. Walau bagaimanapun Kementerian ini sentiasa mengawasi dan memerhati segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan supaya tidak menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam negara ini. Tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya perkara tersebut berlaku.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, menunjukkan bahawa gerakan Arqam ini tidak bersalah. Cuma mungkin satu, dua buah keluaran bukunya

ataupun makatlah yang tidak bersesuaian dengan Jabatan Agama bagi setengah-setengah negara. Jadi, berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat tadi ini menunjukkan dalam apa segi sekalipun kita melihat Arqam tidak bersalah. Tetapi yang saya ingin tanya di sini kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan yang penghabisan tadi itu, iaitu tindakan akan diambil iaitu seolah-olah ada laporan-laporan yang tidak manis mengenai Arqam. Sebab setakat yang saya ketahui, tidak ada pegawai-pegawai Kerajaan ataupun alim ulama yang pernah sendiri pergi menyiasat Arqam ini. Jadi, tidak kenal maka tidak cinta. Saya ingat sebelum Yang Berhormat terlibat dengan dakwaan dan fitnah daripada mana-mana pihak sehingga mungkin boleh Allah menurunkan bala kepada orang yang buat fitnah, eloklah kajian terperinci dibuat. Ini ialah saranan dan ulasan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya apa Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalnya, mengapa dijawab demikian rupa, jawaplah oleh kerana Arqam tidak bersalah tindakan-tindakan tidak akan diambil. Jawab macam itulah, saya ingat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak ada pertanyaan. Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi, seolah-olah membayangkan bahawa tindakan tidak dapat diambil kepada al-Arqam ini kerana ianya adalah bercorak keagamaan dan biasanya diserahkan kepada negeri-negeri. Soalan saya kenapa pertubuhan-pertubuhan bercorak agama yang lain perlu didaftarkan, misalnya, ABIM, PERKIM, ataupun Persatuan Timur

Tengah. Apa istimewanya Arqam ini tidak didaftarkan dan diharamkan pergerakannya.

Kedua, kalau dikatakan Arqam tidak bercorak pertubuhan maka ianya tidak dapat diharamkan, saya ingin buktikan bahawa ianya mempunyai "shutbah", shutbah ekonotni, shutbah penerangan, shutbah pelajaran, shutbah politik dan sebagainya, ataupun biro, dan ada organisasi serta keahliannya yang lebih daripada 30,000- orang. Persoalan saya yang kedua ini kenapa ianya masih lagi diistimewakan untuk tidak didaftarkan dan tidak dikatakan sebagai pertubuhan. Saya hendak hujjah yang konkrit. Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak memberi keistimewaan kepada mana-mana pertubuhan di negara kita ini. Pertubuhan-pertubuhan lain seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi mereka ini memohon untuk didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan dan mereka raengadakan mesyuarat agung tiap-tiap tahun untuk memilih Jawatankuasa, Presiden dan sebagainya. Oleh kerana pertubuhan Darul Arqam ini tidak pernah memohon dan kita tidak pernah mendengar bahawa mereka mengadakan mesyuarat agung untuk memilih Jawatankuasa-jawatankuasa dan sebagainya, jadi itulah sebabnya maka pertubuhan ini tidak didaftarkan kerana pendaftaran ini timbul daripada pertubuhan itu sendiri bukan daripada Kementerian Dalam Negeri. Kita hanya memproses kepada pemohon-pemohon yang memohon untuk didaftar.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan.
Bakar: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam perkara ini tidak ada penjelasan. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Darul Arqam itu boleh dianggap sebagai bukan sahaja sekadar satu pertubuhan yang bersifat keagamaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri, tetapi ianya lebih bersifat sebagai sebuah masyarakat di dalam satu masyarakat yang lebih besar. misalnya dia mempunyai kegiatan pelajaran, mempunyai kegiatan ekonomi, mempunyai kegiatan yang berbagai-bagai lagi. Jadi, soalan saya, oleh kerana ianya merupakan satu pertubuhan, walaupun ia tidak didaftarkan dan diikuti oleh ramai orang dan menjadi contoh kepada orang lain yang beragama Islam tetapi dinyatakan bahawa pertubuhan ini telah membawa satu ajaran yang salah yang bertentangan dengan akidah.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, bangun buat apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak betul kenyataan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah, biar Menteri yang menjawab itu betul atau tidak betul.

Tuan Zubir bin Embong: . . . yang bertentangan dengan akidah Islam dan sudah tentulah apabila ianya bertentangan, kalau dikaji, kalau dipehksa dan kalau disiasat, mengakibatkan seluruh orang yang mengikuti Darularqam itu terlibat dengan ajaran salah dan ini sudah tentu akan menjadikan suasana negara beragama akan menjadi lebih hebat. Jadi, apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order?

Tuan Yang di-Pertua: Point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak ada sangkaan jahat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sangkaan jahat kepada saya. Sebab saya penyokong Arqam, menyangka sangkaan jahat kepada saya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Siapakan soalan.

Tuan Zubir bin Embong: Apakah tindakan, menyedari bahawa akibatnya akan lebih besar kepada kehidupan beragama di negara ini, apakah tindakan Kementerian?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dikatakan oleh wakil dari Arau tadi, kuasa untuk menyelidik, untuk menghalusi, untuk mengkaji tentang badan dakwah Darul Arqam ini adalah dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri, terutama pentadbiran agama Islam Negeri-negeri. Jikalau sekiranya pentadbiran agama Islam Negeri telah pun membuat kajian dan menghalusi akan kegiatan agama yang telah diakukan oleh Darul Arqam ini yang bercanggah dengan akidah Islam dan memerlukan pertolongan daripada Kementerian Dalam Negeri, baharulah kita memberi pertolongan. Tetapi jikalau sekiranya orang yang mempunyai kuasa itu sendiri belum Jaji benar-benar membuktikan segala dakwaan-dakwaan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat itu, jadi sukar sekalilah pihak Kementerian Dalam Negeri untuk masuk campur, Bagaimanapun, sungguhpun aktiviti-aktiviti mereka ini bermacam-macam aktiviti termasuk perniagaan dan sebagainya, kemungkinan mereka mendaftarkan syarikat-syarikat perniagaan dengan Pendaftar Syarikat dan mereka juga mempunyai KDN iaitu mengeluarkan majalah-majalah dan akhbar-akhbar dan jikalau sekiranya kita lihat bahawa isi kandungannya bercanggah

dengan apa yang harus dilakukan, maka baharulah kita mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bolehkah bertanya .soal tambahan dulu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, sudah banyak sangat, setengah jam baru 5 soalan sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-5.

INSTITUT PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (IPSI)

5. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa Maktab Sultan Idris Tanjung Malim telah ditukar namanya kepada Institut Sultan Idris demi merubah dan meningkatkan taraf Maktab itu. Adakah beliau sedar bahawa yang berubah cuma namanya sahaja. Apakah perubahan sudah dan akan berlaku dan kemanakah Maktab itu hendak dibawa.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, perubahan yang dibuat kepada Maktab Perguruan Sultan Idris bukan setakat mengubah namanya menjadi Institut Pendidikan Sultan Idris (IPSI) tetapi juga dari segi staf, kursus yang dijalankan dan kemudahan yang disediakan. Dari segi staf, Kementerian Pendidikan akan menempatkan lebih ramai pensyarah yang berpengalaman dan yang berkelulusan Sarjana. Buat masa ini IPSI sedang melaksanakan Kursus Diploma Satu Tahun untuk guru-guru terlatih dengan kerjasama sebuah universiti tempatan. Kursus serupa im tidak dijalankan di maktab-maktabD perguruan yang lain.

Berapa kemudahan lain telah dan akan dilengkapkan bagi kepentingan guru-guru pelatih di sini. Ini termasuk pembekalan 10 buah komputer, projek "face-lifting", dengan izin, Dewan Suluh Budiman, pembinaan asrama dan memperbanyakkan lagi buku-buku rujukan di perpustakaan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati walaupun namanya telah diubah tetapi saya sedar bahawa gaji terutama pensyarah-pensyarah di Institut Sultan Idris itu tidak berubah, tarafnya macam pensyarah di maktab-maktab perguruan yang lain juga. Apakah ini benar dan kalau benar, adakah akan diubah?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini sudah terkeluar dari soalan asal, sebab itu tidak perlu saya jawab.

**JALANRAYA/LEBUHRAYA—
KOS PEMBINAAN**

6. Tuan Haji Mohd. Zainbin Abdullah minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapa peringkat pembinaan jalanraya/lebuhraya yang dibina di negara kita ini. Berapakah jumlah perbelanjaan bagi 1 kilometer untuk tiap-tiap peringkat itu. Berapakah jumlah perbelanjaan jalanraya/lebuhraya bagi sepanjang tahun 1987. Nyatakan juga jumlah kutipan tol sehingga sekarang.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan lebuhraya di negara kita pada masa ini dilaksanakan secara satu peringkat sahaja. Kos pembinaan lebuhraya bagi empat lorong dua hala adalah di antara \$4.5 hingga \$6.5 juta bagi satu kilometer.

Bagi jalan-jalan Persekutuan yang lainnya, jalan-jalan tersebut dibahagi kepada dua peringkat .iaitu jalan

bandar dan jalan luar bandar. Tiap-tiap peringkat itu dibahagi kepada 7 kelas atau, dengan izin, standard, iaitu dari R "6" hingga R "1A" bagi jalan luar bandar dan U"6" hingga U "1A" bagi jalan bandar. Kos purata pembinaan bagi jalan bandar untuk satu lorong dua hala ialah \$1.3 juta bagi satu kilometer dan bagi jalan luar bandar pula ialah \$1.0 juta bagi satu kilometer.

Jumlah perbelanjaan pembangunan lebuhraya dan jalanraya dalam tahun 1987 ialah sejumlah \$533.7 juta. Jumlah kutipan tol yang dipungut semenjak Lembaga Lebuhraya beroperasi dalam tahun 1982 hingga 30 hb September, 1988 adalah berjumlah \$268.6 juta sahaja.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu jadual untuk siap membinakan lebuhraya di antara Kuala Lumpur dengan Ipoh sebagai sebahagian Lebuhraya Utara/Selatan itu dan juga bilakah Lebuhraya di antara Taiping ke Butterworth akan siap dibina? Itu sahaja.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masih dalam perjanjian dengan United Engineers iaitu pada sekarang PLUS Berhad. Kerajaan telah menetapkan beberapa jadual untuk menjalankan kerja tetapi ada juga perubahan sedikit sekarang, saya tidak ada angka-angka untuk memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat.

Saya suka menerangkan sedikit iaitu pada masa sekarang kita akan menaikkan keutamaan kepada jalan iaitu dari Ipoh ke Bidor dan juga Tanjung Malim ke Kuala Lumpur. Tanjung Malim ke Kuala Lumpur termasuk dalam jadual untuk tahun 1989. Saya percaya jikalau rekabentuk dan tawaran sudah selesai, kita boleh memulakan kerja sebelum bulan September 1989.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sedikit sahaja mengenai definisi. Kita sekarang bercakap mengenai lebuhraya, jalan raya, jalan kecil. Apakah beza di antara lebuhraya, jalanraya dan jalan-jalan biasa? Itu sahaja.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya pun juga suka menjawab sedikit sahaja kepada Ahli Yang Berhormat (*Ketawa*). Lebuhraya iaitu empat lorong—dua lorong empat hala; jalan raya yang sedia ada sekarang iaitu dua lorong satu hala sahaja; dan jalan kampung iaitu mengikuti dengan standard "01", iaitu ada juga sedikit bahan-bahan engineering dalam perkara itu, saya percaya saya mesti memberi satu lecture kepada Ahli Yang Berhormat jikalau beliau ada masa (*Ketawa*). Jalan kampung ialah dibina oleh Pegawai-pegawai Daerah di daerah-daerah masing-masing iaitu 7' lebar, 6" tebal dan di bawahnya 4" batu dan IW dengan tar, itulah jalan kampung. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 7 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).

AKADEMI SILAT—PENUBUHAN

8. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan suatu Akademi Silat di peringkat nasional untuk membolehkan perkembangan Ilmu Silat secara lebih saintifik dan sistematik dari apa yang ada sekarang. Dengan adanya sambutan terhadap seni ini di seluruh dunia, apakah usaha-usaha Kementerian ini di dalam mengembangkan di kalangan rakyat Malaysia.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian belum lagi bercadang untuk menubuhkan Akademi Silat di peringkat nasional. Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan supaya organisasi yang berhubung dengan seni silat dapat memikirkan penubuhan sebuah institusi yang bersifat akademi. Dalam hal ini Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) diminta membuat pengkajian yang berkemungkinan melahirkan satu institusi latihan yang bersifat akademi, meskipun bukan akademi yang besar dengan bangunan yang tersergam indah. Badan-badan Silat Kebangsaan dipinta ikut serta bagi menyusun program-program latihan untuk perkembangan seni Silat supaya dapat diselaraskan dan diatur rapi.

Kebanyakan negeri telah pun menubuhkan Majlis Silat Negeri masing-masing yang berperanan mengatur latihan, membuka gelanggang dan mengadakan siri-siri pertandingan peringkat Negeri dan juga di peringkat daerah-daerah. Jawatankuasa Pembangunan Silat yang keanggotaannya terdiri dari pelbagai agensi dan Kementerian telah diwujudkan dan bertujuan untuk mengembangkan silat di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa.

Persekutuan Silat Antarabangsa (PERSILAT) sebagai organisasi dunia sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan ini sesuai dengan kedudukan Malaysia sebagai salah satu Anggota Pendiri PERSILAT ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat beberapa jenis silat yang kita tidak pernah dengar, tetapi keluar namanya dari masa ke semasa dan kita dapati ada beberapa jenis silat yang bacaan-bacaan jampi (mentera)

dan setengahnya berlawanan dengan agama dan juga kebudayaan Islam?

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat ingin menempatkan seorang ulama, kalau sekiranya akademi ini ditubuhkan oleh persatuan nanti untuk mengkaji mana-mana jampi dan juga mentera ini yang mungkin berlawanan dengan agama. Perkara ini serius sebab yang akan menanggung dosa semua kita termasuk Kerajaan, termasuk Yang Berhormat, kalau sekiranya dibiarkan perkara yang berleluasa. Dalam al-Arqam tidak jadi macam ini. *(Ketawa)*

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita di sini hanya mementingkan dari segi silat. Kita tidak meneliti dari segi bacaan lain yang bertentangan dengan agama. Mentera dan sebagainya adalah terkeluar daripada akademi yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tadi.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar silat merupakan satu art untuk mempertahankan diri sendiri jika orang itu tahu bersilat. Jadi dalam konteks ini saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah beliau bercadang mempelajari silat untuk mempertahankan diri sebab baru-baru ini beliau dihina oleh orang Korea Selatan *(Ketawa)* dan jika beliau tahu bersilat memang beliau boleh mempertahankan diri sendiri. Terima kasih. *(Ketawa)*

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya saya memang pandai bersilat. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin.

(Soalan No. 9 Y.B. Dato' Haji Zainol Abidin bin Johari tidak hadir).

AKTA EMPLOYEES' PROVIDENT FUND

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Employees' Provident Fund supaya wakil-wakil pencharum seperti pegawai-pegawai kesatuan sekerja akan perlu dilantik sebagai ahli-ahli Panel Pelaburan di dalam KWSP untuk tujuan menjaga kepentingan pencharum-pencharum itu; dan
- (b) apakah dasar sedang dilaksanakan terhadap pelaburan KWSP di dalam bidang perumahan dan saham-saham bukan amanah.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua,

- (1) Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja khusus untuk mewujudkan peruntukan bagi melantik wakil-wakil pencharum, seperti pegawai-pegawai kesatuan kerja, untuk menganggotai Panel Pelaburan KWSP, memandangkan bahawa keanggotaan Panel tersebut yang ada sekarang adalah memuaskan dan sejajar dengan peranan dan tanggungjawab mereka. Tanggapan Ahli Yang Berhormat bahawa kepentingan pencharum-pencharum tidak terpelihara sekiranya Panel Pelaburan KWSP tidak dianggotai oleh wakil-wakil pencharum adalah tidak benar, kerana tanggungjawab utama Panel Pelaburan ini ialah untuk menentukan supaya pelaburan KWSP memberikan pulangan yang maksima demi kebaikan pencharum-pencharum secara keseluruhan.

- (2) Pelaburan yang dilakukan oleh KWSP adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 4 (2) Akta KWSP 1951 (Pindaan 1986). Kegiatan-kegiatan Pelaburan KWSP, yang diuruskan oleh Panel Pelaburan, adalah mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh Panel dan Lembaga KWSP dari masa ke semasa. Sebagai dasar, KWSP tidak melabur di dalam bidang perumahan. Berkenaan dengan saham-saham bukan amanah, KWSP tidak boleh melabur di dalam saham-saham tersebut, kecuali dengan kelulusan Menteri Kewangan di bawah Seksyen 4 (2) (e), Akta KWSP 1951 (Pindaan 1986). Kementerian Kewangan hanya akan menimbang memberi kebenaran kepada KWSP untuk melabur dalam saham-saham bukan amanah bagi syarikat-syarikat yang benar-benar mempunyai potensi untuk berkernbang dan maju.

Tuan Hashim bin Safm: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa KWSP tidak boleh melibatkan diri dalam bidang perumahan kecuali dengan kebenaran Menteri.

Saya difahamkan semasa Menteri sebelum Menteri sekarang, satu kawasan tanah telah dibeli untuk mengadakan perumahan dan kedudukan sekarang tidak menguntungkan. Saya ingin tahu apakah cadangan KWSP ke arah penyelesaian rancangan perumahan yang dicadangkan itu?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma boleh menjawab secara general, dengan izin, bahawa jikalau Panel Pelaburan KWSP membuat sesuatu keputusan dengan kebenaran daripada Menteri

Kewangan untuk melabur di dalam sesuatu projek, jikalau projek itu tidak menguntungkan, jadi langkah-langkah untuk memulihkan pelaburan itu akan diambil, dan setakat ini langkah-langkah yang diambil untuk berbuat demikian walaupun tidak ada banyak projek-projek yang dilabur tidak menguntungkan KWSP, tetapi langkah-langkah yang diambil setakat ini adalah cukup efektif. Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jawapan yang lebih spesifik dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pelaburan KWSP pada masa lalu, di dalam tanah-tanah bukan di Selangor sahaja tetapi di Pahang juga dan di syer-syer yang bukan amanah. Adakah betul bahawa pelaburan ini sudah tidak rugi dengan holding cost dan paper losts, adakah betul? Sekiranya ia betul, berapa jumlahnya, jikalau boleh menjawab tanpa notis, berapakah wang terkumpul yang rugi oleh kerana pelaburan yang tidak waras ini ditakukan? Itu sahaja.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya tidak dapat menjawab soalan ini dengan terperinci, kerana ada banyak projek-projek yang dilabur oleh KWSP. Jikalau Ahli Yang Berhormat masih berminat saya boleh menjawab melalui surat. Terima kasih.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa sebahagian besar rakyat negara ini khasnya pekerja-pekerja memerlukan rumah. Saya merasa hairan mengapakah KWSP tidak mempunyai satu dasar terbuka untuk melibatkan diri di dalam pelaburan perumahan, sepertimana yang dilakukan oleh CPF di Singapura, di mana secara terus ataupun secara direct, dengan izin, mereka melibatkan diri di dalam perumahan untuk membantu pekerja-pekerja mereka sendiri. Jadi saya minta penjelasan lebih lanjut dalam perkara ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu Badan seperti Badan KWSP ini mempunyai dasar sendiri untuk diikuti supaya melaburkan wang yang ada padanya. Secara dasar KWSP tidak melabur di dalam bidang perumahan, oleh kerana KWSP menganggap bahawa bidang perumahan pada masa ini adalah mempunyai risiko yang besar sedikit. Walau bagaimanapun KWSP telah mencampuri, diri dengan cara menggalakkan ahli-ahli KWSP supaya membeli rumah-rumah dengan wang yang ada di dalam KWSP ini, walaupun ini bukanlah satu cara yang langsung untuk melabur diri dalam bidang perumahan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan apabila beliau berkata CPF yang ada di Singapura pun telah melabur di dalam bidang perumahan. Ini adalah satu pandangan yang baik, mungkin KWSP akan menimbang semula polisi yang telah dibuat. Terima kasih.

HUKUMAN MAHKAMAH— JUMLAH PENUNTUT TERLIBAT

11. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah kes-kes di mana penuntut-penuntut sekolah rendah, menengah dan peringkat universiti bagi tahun 1985, 1986, 1987 dan sehingga bulan September, 1988:

- (a) telah didakwa dan didapati bersalah di mahkamah kerana kesalahan seksual; dan
- (b) telah digantung atau disingkir kerana tidak berdisiplin dan mengambil dadah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membasmi kegiatan-kegiatan tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, jawapan saya kepada soalan:

- (a) Sepanjang pengetahuan dan Yekod Kementerian Pendidikan tidak terdapat kes di mana pelajar sekolah didakwa dan didapati bersalah di mahkamah kerana kesalahan seks.
- (b) Masalah dadah memang terdapat di sekolah-sekolah khususnya sekolah menengah tetapi hanya belum sampai ke tahap yang membimbangkan. Peratusan murid yang terlibat sangat kecil. 70% daripada mereka yang terlibat adalah dalam kategori "mencuba-cuba dadah". Berdasarkan kepada laporan-laporan yang diterima daripada Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri, jumlah sebenar pelajar-pelajar yang terlibat dalam penggunaan dadah sejak tahun 1985 hingga 1987 ialah seramai 721 orang, iaitu—
 - (i) Pada tahun 1985—seramai 138 orang pelajar;
 - (ii) Pada tahun 1986—seramai 240 orang pelajar; dan
 - (iii) Pada tahun 1987—seramai 343 orang pelajar.

Bagi tahun 1988, jumlah petajar yang terlibat masih belum dipastikan lagi.

Langkah-langkah yang sedang diambil termasuklah melalui program/aktiviti yang berasaskan sekolah, iaitu aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum. Kini Pendidikan Pencegahan Dadah telah dimasukkan ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, melalui mata-mata pelajaran Bahasa, Sains, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani dan

Kesihatan. Melalui kegiatan Ko-Kurikulum iaitu projek-projek seperti Skim Lencana Anti Dadah dalam Pasukan Pakaian Seragam Sekolah, Keiab Bimbingan dan Kaunseling dan juga projek-projek khas seperti Kem Jaya Diri, Kem Kaunseling dan sebagainya.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana jawapan diberi oleh Timbalan Menteri Pendidikan sekejap tadi, murid-murid sekolah yang terlibat dengan menghisap dadah ini seramai 721 orang dalam masa 5 tahun. Jadi, saya rasa itu adalah satu angka yang, walaupun kecil, tetapi amat membimbangkan pandangan kita yang melibatkan murid-murid sekolah. Jadi, soalan saya hendak tahu, adakah Yang Berhormat atau Kementerian bercadang untuk mengadakan peperiksaan dadah bagi seluruh murid-murid sekolah terutama sekolah-sekolah menengah dan juga pusat-pusat pengajian tinggi? Dan yang kedua dalam soal ini untuk memulihkan penagih-penagih dadah di kalangan murid-murid sekolah ini, Kerajaan telah menjalankan bermacam-macam usaha. Jadi, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk membina satu institusi atau sekolah dadah di negara kita ini untuk menempatkan penagih-penagih dadah yang terdiri daripada murid-murid sekolah? Terima kasih.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjalankan ujian atau peperiksaan untuk memperkenalpastikan adakah seorang pelajar ada menyalahgunakan dadah atau menghisap dadah, ini akan memakan belanjawan yang tinggi dan jumlah pelajar-pelajar di sekolah menengah di seluruh negara ini adalah 1.3 juta orang pelajar. Tetapi bagaimanapun, untuk mengawal menyalahgunakan dadah di sekolah-sekolah menengah yang kita fahamkan menhadapi bahaya

menyalahguna dadah, ujian kencing ada dijalankan di sekolah menengah masing-masing dan maktab-maktab masing-masing. (*Tepuk*)

Berkenaan soalan kedua mengenai Kementerian Pendidikan mengadakan satu sekolah dadah, saya fikir itu satu langkah yang lebih bahaya kepada pelajar-pelajar sebab kita akan mengumpulkan semua pelajar-pelajar yang sudah menghisap dadah dan mengumpul di sana dan mereka akan mempengaruhi satu di antara lain dan ini akan meluas ke seluruh negara ini sebab ia sudah dijadikan satu pasukan. (*Ketawa*)

tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan memberitahu sama ada Kerajaan telah memperkenalpastikan sebab-sebab tidak berdisiplin oleh penuntut-penuntut berlaku di sekolah-sekolah, dan jika ya, apa sebabnya?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini pun sudah beberapa kali ditimbulkan di Dewan yang mulia ini dan sudah dijawab beberapa kali. Dengan ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, disiplin seorang murid itu ditanggungjawabkan bukan sahaja pihak sekolah-sekolah sahaja tetapi ibubapa dan ahli-ahli masyarakat, Persatuan PIBG dan semua orang masyarakat untuk bersama bertanggungjawab.

BANK DUNIA—PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

12. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sebenar hutang negara di Bank Dunia;
- (b) berapakah yang telah dijelaskan dan yang masih belum dijelaskan sehingga bulan Jun, 1988; dan

- (c) bagaimana pula kedudukan hutang dengan negara Jepun, berkaitan nilai Yen berbanding dengan ringgit Malaysia. Sejauh mana kemampuan Malaysia menjelaskan hutang dan faedah dari pinjaman tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

- (i) Semenjak tahun 1958 sehingga akhir bulan Jun, 1988, Kerajaan Malaysia telah menerima pinjaman berjumlah \$5,726.01 juta daripada Bank Dunia bagi membiayai 75 buah projek pembangunan. Daripada jumlah pinjaman itu sebanyak \$4,012.35 juta adalah merupakan pinjaman secara langsung kepada Kerajaan, manakala bakinya berjumlah \$1,713.66 juta adalah pinjaman yang diberi terus kepada badan-badan berkanun dengan jaminan Kerajaan Persekutuan.
- (ii) Sehingga akhir bulan Jun, 1988, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$2,292.5 juta telah dibayar balik kepada Bank Dunia sementara jumlah pinjaman yang belum dijelaskan adalah sebanyak \$2,450.7 juta.
- (iii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman Yen yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan sehingga bulan Jun, 1988 adalah sebanyak \$7,590 juta.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, seperti matawang-matawang asing yang lain, nilai matawang Yen telah meningkat di pasaran antarabangsa. Turun dan naiknya nilai ringgit adalah

dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan perdagangan antarabangsa dan ditentukan oleh kuasa pasaran berasaskan permintaan dan penawaran. Ini bererti bahawa yang perubahan nilai ringgit adalah di luar kawalan kita. Sebagai contohnya dalam tempoh 1986 hingga 1988, tempoh 2 tahun ini, jumlah tambahan kepada pinjaman akibat daripada kenaikan matawang Yen berbanding dengan Ringgit ialah sebanyak 21%.

Walau bagaimanapun, penambahan dalam matawang asing tidak menjejaskan keupayaan Malaysia membiayai khidmat bayaran hutangnya. Bahkan langkah-langkah untuk mengurangkan beban hutang luar negeri telah diambil oleh Kerajaan seperti membuat pra-bayaran, iaitu pre-payment, dengan izin, kepada beberapa pinjaman yang mahal.

Pada keseluruhannya, nisbah bayaran balik hutang luar negeri iaitu "debt service ratio", yang telah jatuh dahpada 18% pada tahun 1986 ke 16.2% pada tahun 1988. Ini mengukuhkan lagi keupayaan Malaysia membiayai khidmat bayaran hutangnya.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beberapa masa dahulu ada menjelaskan bahawa Kerajaan telah membayar hutang lebih awal. Soalan saya apakah kesan kepada bayaran hutang negara sekarang ini dengan keadaan harga matawang kita yang turun.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa pasti dengan soalan tambahan ini. Adakah

kesan apa—kesan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membayar balik lebih awal lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat yang itulah?

Tuan Loke Yuen Yow: Tolong ulang.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Betul, macam itu ya. (*Ketawa*)

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, dari segi Kementerian Kewangan adalah tidak mudah untuk mengawal keadaan nilai matawang ringgit kita ini. Oleh kerana nilai ringgit kita ini adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor dalam pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang cukup atas kuasa-kuasa pasaran antarabangsa yang mungkin mempengaruhi nilai matawang kita ini.

Jadi, dari masa ke semasa apabila Kerajaan menganggap bahawa nilai matawang sesuatu negara yang dari mana kita meminjam atau membuat pinjaman yang banyak, jadi mungkin pinjaman yang telah dibuat oleh Kerajaan kita ini pada beberapa tahun yang lalu telah meningkat oleh kerana nilai matawang itu meningkat. Jadi, pada masa itu Kerajaan akan membuat keputusan untuk membayar balik lebih awal lagi.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membayar balik pinjaman itu dengan lebih awal lagi telah memberi kesan yang cukup baik kerana khasnya membayar balik pinjaman daripada negara Jepun. memandangkan bahawa apabila Kerajaan kita membuat keputusan itu nilai matawang Jepun iaitu Yen itu masih meningkat kepada satu peringkat yang lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu bagi pihak Kementerian Kewangan, saya di sini mengatakan bahawa

langkah-langkah telah diambil itu adalah cukup baik dan cukup positif. Terima kasih.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada rekod ataupun tidak, saya pun kurang-pasti iaitu sama ada Yang Berhormat ada rekod berapakah jumlah kesemuanya hutang negara sama ada luar negeri ataupun dalam negeri.

Soalan yang 'kedua, sebentar tadi Yang Berhormat telah menyebutkan bahawa ada pinjaman-pinjaman kita daripada negara Jepun telah kita bayar balik dengan lebih awal daripada apa yang dijadualkan. Soalan saya adakah ini bermakna kita telah membuat pinjaman daripada negara-negara lain untuk membayar balik pinjaman kita kepada negara Jepun ini dapat lebih awal ataupun dengan lain perkataan adakah ini satu refinancing exercise, dengan izin.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan bahagian pertama, Kementerian Kewangan memanglah mempunyai rekod pinjaman yang kita lakukan daripada negara-negara lain tetapi pada hari ini di sini saya tidak mempunyai angka-angka yang demikian. Jikalau Ahli Yang Berhormat masih berminat, saya boleh memberi jawapan itu melalui surat.

Bagi menjawab soalan tambahan bahagian kedua, untuk membayar balik pada lebih awal lagi pinjaman-pinjaman yang telah kita ambil daripada negara-negara lain khasnya Jepun, kita boleh melakukan dengan dua cara iaitu refinancing loan yang telah diambil daripada negara Jepun dan lagi satu Kerajaan kita boleh mendapat pinjaman tempatan daripada dalam negara kita ini untuk membayar balik pinjaman-pinjaman

yang telah kita ambil dari luar negara. Pada biasanya pinjaman-pinjaman yang kita dapat daripada dalam negara kita ini adalah lebih rendah faedahnya daripada pinjaman-pinjaman yang kita dapat daripada luar negara dan dengan tangkah-langkah yang telah diambil ini seperti apa yang saya katakan tadi "debt service ratio" telah jatuh daripada 18% kepada 6.2%. Ini menunjukkan langkah-langkah ini adalah betul. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 9 dan 13 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

MODAL PELABURAN TEMPATAN

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan peratusan dalam peningkatan pelaburan swasta oleh entrepreneur tempatan tahun ini berbanding dengan ketiga-tiga tahun yang lampau, sama ada peningkatan ini telah atau tidak mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan, dan sama ada insentif-insentif khas akan diberi untuk menggalakkan pelabur-pelabur tempatan untuk melabur wang mereka dalam kilang-kilang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):

Bagi tempoh Januari hingga September tahun ini, jumlah modal pelaburan tempatan yang dicadangkan dalam projek-projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Akta Penyelaras Perindustrian (ICA) 1975 adalah sebanyak \$3,604.6 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 92.4% berbanding dengan modal pelaburan tempatan untuk tahun 1987 yang berjumlah sebanyak \$1,873.9 juta.

Pelaburan tempatan bagi 3 tahun yang tempau adalah sebanyak \$4,727.6 juta pada tahun 1985, \$3,475.3 juta pada tahun 1986 dan seterusnya sebanyak \$1,873.9 juta pada tahun 1987. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam masa 3 tahun yang lepas tahap pengecualian pelesenan di bawah ICA telah pun dipinda sebanyak 2 kali, iaitu daripada tahap modal pemegang-pemegang saham sebanyak \$250,000 atau 25 pekerja bergaji sepenuh masa kepada tahap \$1 juta atau 50 pekerja pada 12-12-1985; dan kemudiannya dinaikkan lagi kepada tahap \$2.5 juta atau 75 pekerja pada 24-10-1986. Oleh yang demikian perbandingan statistik pelaburan berhubung dengan projek-projek yang diluluskan di bawah ICA untuk tahun-tahun 1984-1988 adalah tidak beberapa bermakna (meaningful) oleh kerana ianya menggunakan asas-asas yang berbeza.

Berdasarkan Pelan Induk Perindustrian (PIP), sasaran pelaburan dalam sektor pengilangan bagi tempoh 10 tahun, iaitu daripada 1986 hingga 1995, adalah sebanyak \$65.2 ribu juta. Ini bermakna jumlah purata pelaburan adalah sebanyak \$6.52 ribu juta setahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelaburan modal tempatan dan asing yang dicadangkan untuk tempoh Januari hingga September, 1988 dalam projek-projek yang diluluskan di bawah ICA adalah sebanyak \$7,154.4 juta dan ini telah melebihi sasaran PIP.

Untuk menggalakkan pelabur-pelabur sama ada tempatan atau asing melabur dalam sektor pengilangan, Kerajaan telah sediakan beberapa galakan yang menarik di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Penggatakan Pelaburan 1986 serta melonggarkan syarat-syarat kelulusan lesen pengilangan di bawah Akta Penyelaras Perindustrian 1975. Berkenaan dengan galakan tersebut ingin ditegaskan bahawa kedua-dua

kategori pelabur tempatan dan asing adalah sama-sama berkelayakan untuk memohon galakan yang sama.

KEBUDAYAAN NASIONAL

9. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan perkembangan dan kemajuan kebudayaan negara oleh semua kaum dalam usaha untuk mewujudkan satu Kebudayaan Nasional.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato Haji Sabbaruddin Chik): Perkembangan dan kemajuan kebudayaan negara oleh semua kaum dalam usaha mengujudkan satu Kebudayaan Nasional bukan merupakan tanggungjawab Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan semata-mata. Tanggungjawab ini juga merupakan tanggungjawab lain-lain Kementerian seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Perpaduan dan lain-lain agensi serta orang perseorangan. Walau bagaimanapun Kementerian ini telah memainkan peranan dengan melaksanakan berbagai program budaya sama ada yang berbentuk kesenian seperti kursus dan persembahan ataupun keilmuan seperti seminar, kuliah, ceramah dan lain-lain. Pertembungan dan penyerapan unsur-unsur budaya antara kaum di negara ini hasil dari program kebudayaan yang telah dilaksanakan jelas tergambar melalui penerimaan fizikal seperti pakaian, makanan, kesenian dan sebagainya.

Dari segi pakaian, misalnya, kain sari kini telah dijadikan kain baju kurung dan sering dipakai oleh masyarakat Malaysia. Songkok dijadikan pakaian kebangsaan dipakai oleh setiap kaum di majlis-majlis rasmi sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Dari segi makanan, mee, roti, korma, kari, capati, kue-teow, yong tau-fu, maruku, kueh bulan dan lain-lain yang pada mulanya bukan

makanan pribumi, kini telah menjadi makanan yang bersifat kebangsaan bagi rakyat Malaysia. Dari segi persembahan umpamanya banyak perubahan yang kreatif telah dibuat sama ada seni tari atau seni muzik dengan mengambil kira unsur-unsur China seperti dalam lagu Dayong Sampan dan unsur-unsur muzik dan tarian India yang boleh merapatkan interaksi budaya dan keperibadian kebangsaan. Dari segi bukan fizikal ianya dapat dilihat melalui penggunaan Bahasa Kebangsaan, pengalaman nilai dan norma yang positif, taat setia, semangat kejiranan, bersih, cekap dan amanah, semangat patriotisma dan seumpamanya. Perayaan-perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan lain-lain dirayakan bersama oleh semua kaum di negara ini sebagai perayaan-perayaan bangsa Malaysia. Penglibatan semua kaum telah membantu mencapai kemajuan-kemajuan yang disebutkan tadi. Tegasnya penglibatan dari semua kaum adalah perlu bagi mewujudkan satu Kebudayaan Nasional.

KEMPEN "BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA"

13. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada telah membuat kajian sejak kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia" diadakan sejauh manakah penghasilannya kerana sekarang ini masih lagi kita lihat rakyat-rakyat Malaysia kebanyakannya yang berpendapatan lumayan membeli barang-barang yang diimport.

Dato Kok Wee Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama pernah dikemukakan di persidangan-persidangan yang lepas. Seperti yang telah dinyatakan dahulu, satu kajian

telah dibuat oleh pihak SRM (Survey Research of Malaysia) yang menunjukkan bahawa lebih dari 70% dari responden-responden yang ditemui telah menyedari tentang kempen ini.

Pada penelitian Kementerian, Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia yang diperintis dan dilancarkan oleh Kerajaan tiga tahun lalu jelas telah menampakkan hasil-hasilnya.

Pertama, Kempen itu telah menyedarkan pengguna-pengguna tempatan tentang pelbagai barangan yang dihasilkan dalam negara, yang mempunyai mutu dan yang juga setanding dengan barangan import.

Kedua, Kempen itu juga telah menyedarkan para pengusaha dan pekilang tempatan bahawa mereka seharusnya meningkatkan mutu barangan mereka dan juga persaingan dengan memperbaiki mutu barangan dan menjualnya dengan harga-harga yang kompetitif.

Industri-industri yang berorientasikan permintaan dalam negeri (domestic-oriented industries) telah meningkat keluaran mereka semenjak kempen dilancarkan. Antara lain, ini menunjukkan bahawa permintaan dan tanggapan para pengguna tempatan terhadap barangan buatan tempatan telah bertambah.

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa masih ada rakyat yang membeli barangan import. Yang perlu difahamkan ialah kempen tersebut sekadar bertujuan untuk menyedarkan rakyat tentang pelbagai barangan buatan negara sendiri, menyeru rakyat memberi keutamaan dan menggalakkan mereka membeli lebih banyak lagi barangan buatan tempatan. Kempen itu tidak bertujuan untuk menyekat kemasukan import sama sekali atau melarang pengguna

membeli barangan import. Pengguna harus diberi hak pilihan. Dengan itu, adalah terserah kepada pengusaha-pengusaha atau pekilang-pekilang tempatan untuk bersaing bagi mendapatkan keyakinan, sokongan dan langganan para pengguna tempatan.

DISIPLIN DI SEKOLAH— PENGUNAAN POLIS

14. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan reaksi sekolah mengenai penggunaan pegawai polis bagi mengawal disiplin di sekolah, dan apakah rancangan masa depan Kementerian dalam pelaksanaan sistem ini.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khidmat pihak polis sangat-sangat diperlukan oleh pihak sekolah terutamanya untuk membenteras kegiatan ponteng sekolah di pasar-pasar raya dan pusat-pusat hiburan kerana keadaan ini di luar kawalan pihak sekolah. Segala kegiatan jenayah dan pergaduan yang berlaku di luar sekolah adalah tanggungjawab pihak polis.

Kementerian Pendidikan mendapati bahawa masalah disiplin yang berlaku di sekolah dapat dikawal dan diselesaikan di sekolah. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pendidikan percaya bahawa sistem tersebut tidak perlu dilaksanakan di sekolah-sekolah.

PELANCONG KE MALAYSIA— JUMLAH

15. **Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah pelancong yang datang melawat negara sejak tahun 1980 hingga bulan September 1988;

- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerianya untuk menggiatkan lebih ramai lagi pelancong asing melawati Malaysia sempena "Tahun Melawat Malaysia 1989-1990".

Dato Haji Sabbaruddin Chik:

Pelancong yang datang melawat negara ini telah meningkat dari tahun ke tahun. Bilangan pelancong yang datang ke Malaysia dari tahun 1980 hingga bulan September 1988 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pelancong</i>
1980	2,067,020
1981	2,344,933
1982 .. ; ..	2,588,772
1983	2,750,397
1984	2,779,081
1985	2,933,271
1986	2,027,790 (Anggaran)
1987	3,146,250 (Anggaran)
Jan-Sept 1988 ..	2,598,350 (Anggaran)

- (b) Berikutan dari keputusan Kerajaan menetapkan supaya tahun 1990 diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia, Kementerian sedang merancang dan menyelaraskan berbagai-bagai acara dan kegiatan secara besar-besaran dan meriah untuk diadakan dalam tahun tersebut bagi menarik pandangan pelancong-pelancong luar negeri kepada Malaysia sebagai destinasi yang patut dilawati. Pelancong-pelancong luar negeri akan berpeluang menyaksikan persembahan-persembahan acara-acara dan juga menyertai sebahagian daripada kegiatan tersebut di samping menikmati keindahan terapat-tempat

pelancongan dan peranginan di Malaysia. Acara-acara dan kegiatan yang sedang diusahakan bersempena Tahun Melawat Malaysia 1990 ialah persembahan-persembahan kebudayaan, kesenian, perayaan-perayaan berbilang kaum dan agama, perayaan kebangsaan, pameran-pameran, pesta-pesta, perlumbaan, sukan dan lain-lain kegiatan ala Malaysia di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Acara-acara ini akan merupakan "highlight events", dalam tahun 1990 dan akan dikemukakan sebagai insentif apabila kita melaksanakan kempen Tahun Melawat Malaysia 1990. Di samping itu juga Kementerian akan menyediakan maklumat mengenai acara-acara dan kegiatan-kegiatan tempatan lainnya yang lebih kecil yang akan diadakan dalam tahun tersebut untuk diedarkan juga kepada pelancong-pelancong amnya.

Kempen menggalakan Tahun Melawat Malaysia 1990 di luar negeri akan dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, MAS, syarikat-syarikat pelancongan, hotel-hotel, perwakilan-perwakilan lain di luar negeri dan lain-lainnya bagi mencapai publisiti yang seluas-luasnya tentang acara-acara dan kegiatan yang akan diadakan di Malaysia sepanjang tahun tersebut. Kementerian akan juga mengusahakan cara-cara publisiti lainnya melalui pengiklanan pengedaran cenderamata, lawatan promosi, penyertaan di pameran dan ekspo pelancongan dan jemputan-jeputan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan di luar

negeri bagi memberangsangkan mereka menjual Tahun Melawat Malaysia 1990 kepada pelancong di kawasan masing-masing.

PENYAKIT "THALASSEMIA"

16. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan rakyat Malaysia yang disahkan menghidapi penyakit "thalassemia" di antara tahun 1986 sehingga 1988 mengikut kaum; dan
- (b) memandangkan penyakit ini tidak boleh diubati, adakah kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membantu mereka menghadapi penyakit ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Penyakit thalassemia adalah satu spektrum penyakit kekurangan darah. Ada penyakit-penyakit thalassemia yang tiada aduan apa-apa langsung dan ada pula yang perlu rawatan yang rapi. Apa yang ditakrifkan thalassemia di sini adalah penyakit-pesakit thalassemia yang memerlukan rawatan pemindahan darah.

(a) *Bilangan Pesakit Thalassemia di Malaysia*

Bilangan sebenar pesakit ini tidak ada pada Kementerian Kesihatan Malaysia. Satu kajian di Malaysia pada 1980 menganggarkan ada 1,700 pesakit thalassemia yang memerlukan pemindahan darah. Kementerian Kesihatan Malaysia tiada maklumat pecahan mengikut kaum.

(b) *Rancangan untuk Membantu Pesakit-pesakit Thalassemia*

1. Rancangan yang ada sekarang adalah untuk mengurangkan kelahiran

bayi yang berpenyakit thalassemia. Ini termasuklah:

1.1. Kaunseling genetik yang diberikan kepada ibu bapa yang ada anak-anak sakit thalassemia atau bakal ibu bapa pembawa gene thalassemia yang berisiko tinggi mendapat bayi sakit thalassemia. Ibu bapa akan diberitahu mengenai penyakit thalassemia dan risiko mendapat bayi sakit thalassemia.

1.2. Tapisan kepada ibu-ibu mengandung yang kurang darah juga dilakukan. Ini dapat mengesahkan ibu-ibu pembawa gene thalassemia. Kaunseling genetik kepada ibu bapa tersebut boleh diberikan sewajarnya mengenai risiko-risiko mendapat bayi sakit thalassemia.

2. Kepada pesakit-pesakit thalassemia yang memerlukan rawatan, pemindahan darah diberikan berkala-kala mengikut keadaan pesakit. Sungguhpun rawatan ini tidak menyembuhkan, ia memberi keselesaan kepada pesakit.

Pemindahan sum-sum tulang juga telah dilakukan sebagai projek penyelidikan di Hospital Universiti, Petaling Jaya.

PENGANGGURAN—JUMLAH

17. Tuan Madatang bin Morejal minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pengangguran yang terdapat di

seluruh negara bagi tahun 1987 hingga bulan Mei 1988.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Mengikut anggaran terakhir jumlah pengangguran yang terdapat di seluruh negara pada tahun 1987 adalah seramai 528,000 orang. Bagi keseluruhan tahun 1988 pula bilangan penganggur dianggarkan seramai 539,000 orang.

GURU DI SABAH—KEKURANGAN

18. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa melalui kenyataan Kementeriannya Sabah telah kekurangan guru-guru yang berkelayakan. Menyeru kepada kenyataan ini, ramai bekas-bekas graduan dan calon-calon yang tidak kurang kelayakan mereka memohon untuk memasuki universiti-universiti tempatan khas untuk mengambil bidang Diploma Pendidikan. Apa yang telah didapati layanan diberikan ke atas pemohon-pemohon ini terlalu dingin. Baru-baru ini beberapa orang pemohon dari Sandakan telah tidak diterima tanpa sebarang jawapan yang diberikan oleh pihak yang tertentu ke atas permohonan mereka. Menyedari kejadian ini, apakah tindakan Kementerian ini dan bolehkah Kementerian ini menjelaskan terhadap kegagalan pihak-pihak tertentu melayan pemohon-pemohon ini dengan alasan yang wajar dan munasabah.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak universiti-universiti tempatan sentiasa membuka peluang kepada semua pelajar memohon untuk mengikuti kursus Diploma Pendidikan di universiti tempatan. Memandangkan tempat yang disediakan adalah terhad berbanding dengan jumlah permohonan yang diterima, sudah tentu terdapat permohonan

pelajar-pelajar yang terpaksa ditolak. Hanya pelajar-pelajar yang memiliki keputusan yang baik serta mata pelajaran yang bersesuaian dengan profesion perguruan sahaja berjaya diterima masuk ke kursus berkenaan.

PEMANDU DISAMAN OLEH. POLIS

19. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bermula dari Januari tahun ini berapa ramaikah bilangan pemandu yang telah disaman oleh polis. Dari jumlah itu berapa ramai yang telah membayar kompaun kepada polis dan berapa banyak bayaran yang telah didapati dari hasil kompaun tersebut. Nyatakan mengikut negeri-negeri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayub: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada bulan Januari hingga September tahun ini, seramai 460,252 orang pemandu telah disaman dan 231,842 kes telah dikompaun. Jumlah kutipan wang kompaun dalam tempoh tersebut berjumlah \$17,176,882.00. Pecahan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Perangkaan lalulintas mulai Januari-September 1988

Negeri	Jumlah Saman	Jumlah Ka Di-Pan kompaun	Jumlah Kutl-Kompaun
Perlis	3,140	2,299	\$ 133,765.00
Kedah	37,357	11,476	\$1,282,034.00
Pulau Pmanj	48,831	21,191	\$1,709,183.00
Perak	41,846	24,422	\$2,062,591.00
Selangor	59,283	28,422	\$2,375,313.00
Kuala Lumpur	40,663	11,709	\$1,046,120.00
Negen Sembilan	24,652	11,153	\$ 937,065.00
Melaka	18,041	12,472	\$ 604,729.00
labor	52,998	33,014	\$1,857,788.00
Pahang	19,058	5,112	\$1,001,533.00
Terenjaju	13,772	2,169	\$ 592,156.00
Kelantan	29,992	24,447	\$ 775,389.00
Sabah	36,332	16,682	\$1,100,281.00
Sarawak	34,267	27,274	\$1,698,935.00
JUMLAH ..	460,252	231,842	\$17,176,882.00

(Soalan No. 20. Sila lihat jawapan No. 21 pada 1-12-88),

LEMBAGA INSTITUT LATIHAN PETROLEUM

21. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Petronas mempunyai rancangan untuk menubuhkan satu lembaga institut latihan (Petroleum Institute Training Board) untuk melatih tenaga mahir demi keperluan industri petroleum di negara ini. Jika ia, sama ada syarikat asing yang terlibat dalam industri petroleum kita diminta supaya memberi sokongan kepada institut ini dari segi kewangan dan tenaga.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sum): Selaras dengan objektif dasar ekonomi baru dan polisi "Malysianisation" Kerajaan, Petronas sebagai syarikat Minyak Nasional, sentiasa memberi keutamaan melatih rakyat Malaysia demi untuk dapat memenuhi keperluan tenaga mahir di dalam industri petroleum di negara ini. Buat masa ini Petronas tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan satu Lembaga Institut Petroleum. Walau bagaimanapun, Petronas telah pun menubuhkan Institut Latihan Perindustrian Petroleum (ILPP) di Batu Rakit di Kuala Terengganu pada tahun 1981 untuk melatih kakitangannya bagi loji memproses gas dan operasi-operasi pengeluaran Petroleum dan Pusat Latihan Petronas Dagang Sdn. Bhd. (PDSB) untuk melatih kakitangan PDSB dan wakil-wakil penjualnya di dalam semua aspek jualan runcit, khususnya dalam pengurusan stesen minyak.

Di samping itu, dua buah anak syarikat Petronas, iaitu Malaysia Lng. Sdn. Bhd. (MNLG) dan ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. (ABF), juga mengendalikan latihan untuk melatih kakitangan di bidang-bidang yang khusus dengan operasi loji mereka. Petronas juga telah menubuhkan sebuah Pusat Latihan Pengurusan Petroleum di Bangi

untuk melatih dan meninggikan kepakaran kakitangan-kakitangan Petronas di dalam bidang pengurusan.

Syarikat-syarikat minyak asing juga ada menyumbang terhadap peningkatan keupayaan pekerja-pekerja industri petroleum di negara ini. Syarikat Shell dan Esso turut mengemukakan kursus-kursus yang berkaitan dengan industri petroleum. Di samping itu Universiti Teknologi Malaysia juga ada menawarkan kursus dalam bidang kejuruteraan petroleum di peringkat ijazah dan diploma. Berdasarkan kepada kemudahan-kemudahan ini adalah dijangka keperluan latihan dalam bidang petroleum dapat dipenuhi. Jika difikirkan perlu, institusi-institusi latihan yang sedia ada di negara ini seperti Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran MARA dan lain-lain dapat memasuki juga kurikulum petroleum dalam program latihannya.

KETUA HAKIM NEGARA— PERLANTIKAN

22. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kehakiman:

- (i) bilakah seorang Lord President akan dilantik; dan
- (ii) memandangkan Pemangku Lord President tidak mendapat keyakinan dan sokongan penuh dari "Bar Council of Malaya", adakah Pemangku Lord President akan dilantik sebagai Lord President.

Dato' Oo Gin Sum: Ketua Hakim Negara telah pun dilantik mulai 10 November, 1988.

HAKIM MAHKAMAH AGUNG— KEKURANGAN

23. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi

masalah kekurangan Hakim-hakim Mahkamah Agung;

- (ii) sama ada beliau sedar bahawa perlantikan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi berdasarkan "ad-hoc" untuk bersidang dalam Mahkamah Agung itu mengganggu atau membawa kesan ke atas pergerakan Mahkamah Tinggi; dan
- (iii) apakah kriteria yang dikehendaki bagi perlantikan * Hakim-hakim Mahkamah Tinggi untuk bersidang di Mahkamah Agung pada dasar "ad hoc".

Dato' Oo Gin Sum:

- (i) Kekurangan bilangan Hakim-hakim Mahkamah Agung akan diisi tidak lama lagi mengikut peruntukan-peruntukan seperti ditetapkan di perlembagaan Persekutuan.
- (ii) Perlantikan secara "ad-hoc" Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Hakim-hakim untuk mendengar kes Mahkamah Agung adalah mengikut peruntukan undang-undang. Sungguhpun ini sedikit sebanyak menjejaskan perjalanan persidangan di Mahkamah Tinggi tetapi oleh kerana jadual disusun dengan teliti ia tidaklah terlalu menjejaskan perjalanan perbicaraan di Mahkamah Tinggi.
- (iii) Perlantikan "ad-hoc" Hakim Mahkamah Tinggi untuk persidangan di Mahkamah Agung adalah berpandu kepada Perkara 122 (2) dalam Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

"Seseorang hakim Mahkamah Tinggi, lain daripada Hakim Besar, boleh bersidang sebagai seorang Hakim Mahkamah

Agung jika pada pendapat Ketua Hakim Negara kepentingan-kepentingan keadilan memerlukan sedemikian dan hakim itu hendaklah dinamakan bagi maksud itu (apabila perlu) oleh Ketua Hakim Negara."

USUL-USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini mengambil keputusan iaitu Usul Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Gua Musang untuk mengemukakan Rang Undang-undang bukan Kerajaan yang tertera sebagai perkara terakhir di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah didahulukan daripada Usul-usul Ahli-ahli Persendirian di bawah tajuk Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya seperti yang disebutkan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini mengambil keputusan iaitu Usul Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi

Gua Musang untuk mengemukakan Rang Undang-undang bukan Kerajaan yang tertera sebagai perkara terakhir di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah didahulukan daripada Usul-usul Ahli-ahli Persendirian di bawah tajuk Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1989 telah dibacakan kali yang ketiga dan Usul Anggaran Pembangunan 1989 dipersetujui atau sehingga pukul 6.30 petang ikut mana yang terkemudian.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dibawa oleh Menteri Kerjaraya seperti yang dibentangkan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1989 telah dibacakan kali yang ketiga dan Usul Anggaran Pembangunan 1989 dipersetujui atau sehingga pukul 6.30 petang ikut mana yang terkemudian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Jawtankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1989 dan Anggaran Pembangunan, 1989 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Keenambelas)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.53 (Jadual)—

Maksud P.53 (Anggaran Pembangunan, 1989)—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, sila sambung.

4.20ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Pengerusi, sebagai lanjutan kepada penjelasan dan penerangan yang saya mulakan semalam, saya suka menyambung untuk memberikan penjelasan lanjut berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai penanaman kopi Robesta cara komersial untuk Rancangan FELDA di Padang Terap.

Suka saya jelaskan iaitu pada peringkat permulaannya sememang FELDA mempunyai rancangan untuk menanam kopi Robesta di kawasan Rancangan FELDA di Padang Terap yang selalu mengalami musim kemarau. Setelah kajian dibuat terhadap tanah-tanah di kawasan tersebut didapati tidak sesuai untuk ditanam kopi Robesta kerana kawasan tapisan atas tanah terlalu nipis dan di bawahnya terdapat batu kapur dan mengikut Jabatan Pertanian keadaan tanah semacam ini tidak sesuai ditanam dengan kopi. Walau bagaimanapun, pandangan dan syor Yang Berhormat akan diberikan perhatian oleh Kementerian ini. Berhubung dengan kerosakan jalan-jalan akibat daripada usaha-usaha membangun Rancangan Mini Estet, suka saya jelaskan iaitu kerosakan jalan terutamanya jalan-jalan pembangunan luar bandar semasa membangun sesebuah mini estet selalu dilakukan oleh kontraktor yang membangunkan mini estet tersebut. Dalam hal ini, pihak kontraktor telah membuat perjanjian dan meletakkan wang deposit dengan Pejabat Daerah. Jadi, jika berlaku sebarang kerosakan jalan, maka ianya akan ditanggung oleh kontraktor yang berkenaan untuk memperbaikinya.

Yang Berhormat dari Maran telah membangkitkan soal masalah banjir di kawasan Rancangan Tanah FELDA. Suka saya jelaskan iaitu FELDA tidak mempunyai peruntukan bagi program mengawal banjir di tanah-tanah Rancangan. Peruntukan yang sebenarnya ialah di bawah Jabatan Parit dan Taliair di mana FELDA selalu mengemukakan masalah banjir di kawasan-kawasan rancangan kepada Jabatan Parit dan Taliair untuk mengatasinya. Di samping itu, FELDA juga atas daya-usaha sendiri ada juga menjalankan aktiviti-aktiviti untuk mengurangkan masalah-masalah banjir seperti mendalam, melurus sungai-sungai dan parit-parit yang terdapat di kawasan tanah

Rancangan FELDA bagi memudahkan air mengalir dan mengawal serta memelihara sungai-sungai tersebut dari masa ke semasa bagi mengelakkan sungai-sungai menjadi cetek dan menimbulkan masalah banjir.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menimbulkan berhubung dengan pelaksanaan Akta Hakmilik Strata, khususnya tentang usaha-usaha memproses dan pengeluaran hakmilik strata. Saya suka menjelaskan iaitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar dan mengambil berat tentang masalah-masalah yang wujud dalam pelaksanaan Akta Hakmilik Strata khususnya masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat untuk mendapat hakmilik strata.

Berhubung dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa sebenarnya Kementerian teih pun mengambil langkah-langkah seperti yang disebut itu dan suka saya maklumkan, pada peringkat ini iaitu ada empat langkah yang telah pun diambil oleh pihak Kementerian:

- (i) Tindakan sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menyemak semula kelemahan-kelemahan atau kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam pelaksanaan Akta Hakmilik Strata 1985 itu.
- (ii) Kerajaan memang pernah menetapkan tempoh 3 bulan untuk pengeluaran Hak Milik Strata. Walau bagaimanapun setelah satu kajian dibuat di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur didapati bahawa tempoh tersebut tidak munasabah. Oleh itu satu tempoh baru

iaitu 7 bulan telah ditetapkan bagi pengeluaran Hakmilik Strata. Dalam hal ini Kerajaan sedang mengawasi agar tempoh 7 bulan itu akan tercapai.

- (iii) Kementerian ini telah mengeluarkan arahan dan garis panduan untuk membantu Pejabat-pejabat Tanah mengendalikan tindakan memproses hakmilik strata. Garis panduan yang dimaksudkan ialah mengenai tentang tatacara memproses permohonan untuk hakmilik strata, rekod kemajuan untuk mengesan semua permohonan dan laporan kemajuan permohonan.
- (iv) Kementerian ini sentiasa mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak berkenaan seperti Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan Malaysia, Persatuan Bank Malaysia, Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah dan Majlis Peguam untuk membincangkan masalah berhubung dengan hakmilik strata bagi mencari cara penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi.

Akhir sekali.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya suka mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa memandangkan kepada berbagai-bagai masalah yang dialami oleh Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan untuk memproses dan mengeluarkan hakmilik strata maka

rangka masa 3 bulan itu akan diperlanjatkan kepada 7 bulan. Tetapi di sini saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sekiranya masa ini dipanjangkan maka ini akan menimbulkan satu keadaan di mana pihak-pihak yang terlibat dalam permohonan untuk mendapat hakmilik adalah tidak memuaskan. Saya ingin mendapat tahu sama ada Kerajaan bercadang untuk menswastakan pemerosesan dan kesediaan hakmilik strata sekiranya Jabatan Tanah yang berkenaan tidak dapat menyediakan hakmilik strata dengan cara yang segera dan dengan cara yang berkesan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya sedar tentang persoalan-persoalan, permasalahan-permasalahan dan kekurangan-kekurangan yang dihadapi dalam usaha-usaha kita untuk mengemukakan hakmilik strata ini. Pada hemat saya untuk cuba menyelesaikan apa juga persoalan-persoalan dan permasalahan itu kita pergi kepada punca masalah itu dan punca masalah ini kita mengakui iaitu di dalam beberapa fasal tentang Akta Hakmilik Strata 1985 itu terdapat keionggarari di sana sini dan kita sedang meneliti akan kelonggaran ini dan ada kemungkinan kalau perlu kita akan membuat pindaan-pindaan untuk memperkemaskan lagi Akta yang sedia ada itu. Pada peringkat ini oleh kerana tindakan-tindakan yang sedang kita ambil, kita belumlah bercadang ataupun memikirkan untuk hendak menswastakan kerja-kerja ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Yang Berhormat dari Seputeh juga membangkitkan soal pengeluaran hakmilik strata ini. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kerajaan

juga sedar tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan salah satu daripada tindakan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian ialah untuk menubuhkan Unit Hakmilik Strata seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kita juga berhubung rapat dengan Pejabat-pejabat Tanah bagi cuba memberi panduan dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan soal kelambatan penerimaan setengah-setengah di kalangan peneroka untuk masuk ke dalam rancangan-rancangan. Saya suka jelaskan iaitu pada ketika ini kita mempunyai lebih daripada 12,000 orang yang berada dalam senarai menunggu untuk hendak masuk ke dalam rancangan-rancangan FELDA dan suka saya jelaskan semua keputusan untuk hendak membawa masuk pemohon-pemohon ini ataupun calon-calon itu kadangkala memang ada yang sudah berjaya, tetapi semuanya ini kena diuruskan dengan pihak Kerajaan Negeri sebelum seseorang calon itu dimuktamadkan. Suka juga saya nyatakan di sini, pada masa sekarang ini Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai pegangan dan pendirian masing-masing dan apa sahaja yang diputuskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri itu biasanya kita di peringkat Kementerian akan menurutinya. Jadi, secepat mana orang-orang yang masih menunggu ini dapat kita masukkan ke dalam rancangan-rancangan kita bergantung juga kepada tempat dan urusan yang dibuat di peringkat negeri dan juga di peringkat Kementerian kita ini.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran. Insya Allah, setiap pandangan itu akan kita jadikan panduan di dalam

Kementerian ini meneruskan kerja-kerja di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$307,175,400 untuk Maksud B. 53 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$307,175,400 untuk Maksud B.53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$736,383,340 yang disebutkan dalam Maksud P. 53 dalam Anggaran Pembangunan, 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$736,383,340 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1989.

Maksud B.54 (Jadual)—

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan, 1989)—

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Maksud B.54 dan Maksud P.54 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

4.21 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Pengerusi, sebelum itu saya hendak bertanya berapa minit yang dibenarkan.

Tuan Pengerusi: 10 minit, tak lebih.

Tuan Ahmad bin Omar: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 250 iaitu tajuk Kemajuan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa, Butfran 00100, Kemajuan Masyarakat, 00300 Kutubkhanah Luar Bandar dan 00400 Taman Bimbingan Kanak-kanak serta 00500 Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pertama sekali ialah berkaitan dengan kemajuan masyarakat dan pelajaran dewasa iaitu kemajuan masyarakat yang dilaksanakan di bawah projek penambahan pendapatan negara melalui aktiviti ekonomi rumahtangga. Saya pandang bahawa kegiatan ini adalah merupakan suatu kegiatan yang berfaedah, satu kegiatan yang baik khasnya bagi kaum wanita di kawasan luar bandar dan melalui kegiatan-kegiatan ini bukan sahaja kaum-kaum ibu terlibat dengan kegiatan ekonomi, tetapi mereka juga dapat mengisi masa yang lebih berfaedah, selain daripada membuat pekerjaan yang memang biasa terlibat seperti menoreh, menanam padi dan lain-lainnya sebagai ahli keluarga.

Jadi, apa yang saya ingin sebutkan di sini ialah dari segi kegiatan-kegiatan ini sendiri sepatutnya mestilah digiatkan lagi, diperbanyakkan lagi dan yang lebih penting ialah bagi guru-guru yang melaksanakan tugas memberikan latihan-latihan ini, mereka itu juga mestilah mendapat pendedahan yang lebih luas supaya banyak lagi kegiatan-kegiatan yang boleh dijalankan supaya kegiatan-kegiatan ini bukan sahaja mempunyai nilai yang baik tetapi lebih kreatif dan memberi makna kepada mereka yang terlibat.

Apa yang saya nampak pada hari ini bukan sahaja mereka ini kurang dapat pendedahan di dalam hal ini tetapi dari segi alat-alat yang sepatutnya ada bagi menjalankan kegiatan-kegiatan ini juga tidak mencukupi dan sering kali

mereka ini membawa perkara-perkara ini kepada pihak-pihak tertentu termasuk juga wakil-wakil rakyat untuk meminta bantuan-bantuan bagi menjalankan kegiatan-kegiatan ini. Sekiranya pihak-pihak yang berkenaan termasuk wakil rakyat boleh membantu, maka dapatlah mereka menjalankan sebaik-baiknya kegiatan ini, tetapi jika sebaliknya, maka mereka akan menghadapi kesulitan dari segi menjalankan kegiatan-kegiatan itu. Di dalam hal ini, tentulah matlamat yang hendak dicapai tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Selain daripada itu, mengenai Butiran 00300 Kutubkhanah di Luar Bandar. Saya berpendapat bahawa pada hari ini adalah amat perlu diwujudkan seberapa banyak kutubkhanah di luar bandar. Sebab yang pertama sekali kita dapati terlampau kurang tempat atau peluang untuk kita pergi mendapatkan buku-buku dan tempat membaca buku-buku yang baik seperti kutubkhanah-kutubkhanah daerah. Kebanyakan daerah-daerah yang tidak mempunyai kutubkhanah yang sempurna dengan bangunan yang baik dengan buku yang cukup dan pengurusan yang baik.

Banyak tempat-tempat yang dirikan kutubkhanah di peringkat daerah pun banyak yang tinggal dengan keadaan yang tidak begitu baik pengurusannya dan saya mencadangkan supaya kutubkhanah-kutubkhanah di kampung-kampung ini diwujudkan seberapa banyak yang boleh iaitu memberikan bantuan-bantuan buku-buku untuk pembacaan bukan sahaja kepada anak-anak kita tetapi juga kepada golongan-golongan yang dewasa tidak kira lelaki ataupun perempuan. Tetapi masalah yang lain saya tengok di sini ialah bukan sahaja kerana buku-buku yang patut ditambah atau diberikan tetapi tempat bagi mengadakan kutubkhanah ini sendiri banyak sekali kekurangannya di kawasan-kawasan luar bandar kerana di kawasan-kawasan luar

bandar iaitu di kampung-kampung biasanya didapati sama ada kampung itu mempunyai balai raya ataupun ia tidak mempunyai balai raya hanya mempunyai sebuah balai belia dan kalau ia mempunyai sebuah balai belia biasanya bangunan belia ini akan dipenuhi dengan segala alat-alat kelengkapan belia, dengan segala program-program kegiatan-kegiatan belia dan di situlah juga letaknya segala kegiatan lain daripada segi kegiatan-kegiatan kemasyarakatan atau kemajuan masyarakat, kelas-kelas tadika dan lain-lain kegiatan.

Jadi, saya tak nampak macam mana kegiatan-kegiatan ini akan dapat dijalankan dengan cara yang baik kerana tempatnya yang begitu terhad dengan alat-alatan tadika yang begitu banyak, dengan alat-alatan belia yang begitu banyak, dengan program-program yang dijalankan di suatu tempat. Jadi, sudah sampai masanya bagi pihak Kementerian ini menimbang dan mengkaji bagaimana pelaksanaan ini boleh dijalankan dengan sebaik yang mungkin dengan memberikan bangunan-bangunan yang khusus, umpamanya bangunan-bangunan untuk pusat kegiatan kemajuan masyarakat di kawasan luar bandar di mana boleh dijadikan pusat untuk kegiatan kemajuan masyarakat, untuk kegiatan taman bimbingan kanak-kanak, untuk kegiatan kutubkhanah-kutubkhanah dan lain-lain kegiatan yang perlu diperolehi oleh kelas kemajuan masyarakat di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 01400 iaitu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, mukasurat 251, Tuan Pengerusi, bagi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini, saya ingin menyentuh mengenai peranan Infokraf.

Saya fikir Infokraf sebagai satu pusat pameran barang-barang kraftangan Malaysia adalah merupakan satu pusat

yang boleh dibanggakan. Setiap orang yang melawat pusat ini mereka akan terpegun dengan hasil-hasil kraftangan Malaysia yang begitu baik, begitu tinggi nilainya, yang mempunyai nilai-nilai antarabangsa dan bukan sahaja kita yang terpegun tetapi pelawat-pelawat daripada luar negeri juga terpegun dengan hasil-hasil yang dipamerkan. Banyak potensinya yang boleh diketengahkan daripada hasil-hasil kraftangan ini, tetapi yang menjadi masalah pada hari ini ialah saya fikir kita harus menentukan bahawa peranan Infokraf ini betul-betul terlaksana dan dapat menjalankan peranan secara meluas.

Apa yang saya maksudkan ialah adakah barang-barang yang kita pameran di sini benar-benar ada bekalannya kalau kita pameran satu jenis barangan yang begitu cantik, begitu bermutu dan mempunyai nilai yang tinggi dan apabila kita menerima tempahan dan pertanyaan adakah kita pasti bahawa kita akan dapat memberikan bekalan yang secukupnya? Adakah ini boleh kita pastikan bukan sahaja untuk jangka masa pendek tetapi juga untuk jangka masa panjang. Begitu juga dengan usaha-usaha lain dari segi promosi adakah promosi itu dijalankan di sini sahaja atau di luar negeri.

Dalam program yang disebutkan di sini ada disebutkan promosi untuk galakan dagangan, pameran di luar negeri yang pada tahun 1989 ada diperuntukkan dua pameran di luar negeri. Saya fikir kalau kita hendak menentukan bahawa objektif Infokraf ini benar-benar berperanan kita mestilah memperbanyakkan lagi pameran-pameran ini di samping kita menentukan bekalan yang cukup dan pameran ini bukan setakat dua tetapi lebih daripada dua kerana saya fikir dari segi pameran luar negeri ini samalah dengan usaha kita untuk menjalankan misi dagangan ke luar negeri untuk mencari investment dan juga untuk mencari pasaran.

Jadi, begitulah pentingnya dari segi peranan Infokraf ini yang harus dipandang berat dari segi masa ini dan juga masa depan yang kita percaya jika ia dapat memainkan peranan ia akan membantu pertama sekali kepada masyarakat di luar bandar yang sedang digalakkan untuk melibatkan diri dengan seberapa banyak yang boleh dalam kegiatan-kegiatan kraftangan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Omar: Terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

4.30 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar saya merasa sangat penting untuk diberi perhatian kerana ianya merupakan satu Kementerian yang mendapat tempat yang begitu ketara di kalangan penduduk di luar bandar. Tambahan pula yang menerajuinya ialah Timbalan Perdana Menteri sendiri bersama dengan Dato' Mohd. Tajol Rosli.

Halaman 250, Butiran 00400 Taman Bimbingan Kanak-kanak.

Sekarang ini kedapatan di seluruh negara Taman Bimbingan Kanak-kanak adalah banyak iaitu sebanyak lebih kurang 4,000 buah. Tetapi saya kira masih lagi tidak mencukupi jika dibandingkan dengan keperluan negara. Jadi, saya mengesyorkan yang pertama ini diberi perhatian agar Taman Bimbingan Kanak-kanak ini diperbanyakkan lagi.

Satu perkara yang saya rasa perlu kita tekankan iaitu memasukkan perkara baru. Saya merasakan bahawa sifat atau bentuk Taman Bimbingan

Kanak-kanak yang ada pada hari ini adalah lebih kurang sama coraknya dengan TASKI, cuma kaedah dan matlamatnya mungkin agak berbeza sedikit. Begitu juga dengan Taman Bimbingan Kanak-kanak yang lain.

Saya cadangkan supaya Taman Bimbingan Kanak-kanak yang ditaja oleh KEMAS ini diwujudkan pembelajaran komputer. Orang mungkin ketawa apalah budak pradarjah satu pun hendak belajar komputer. Saya rasa ini penting. Komputer yang saya maksudkan ini iaitu komputer yang paling asas dengan tujuan untuk menarik minat awal di kalangan kanak-kanak supaya suka kepada perkara-perkara yang herbentuk saintifik dan moden ini. Kita boleh menarik minat ini dengan cara pengenalan benda-benda dalam pandangan mereka iaitu melalui gambar rajah-gambar rajah yang ada di komputer itu. Misal katakan permainan ilmu hisab, pembelajaran bahasa, teka-teki dan sebagainya; ini kita boleh gunakan melalui kid computer dan kataulah kita dapat menggunakan computer di peringkat Taman Bimbingan Kanak-kanak ini ianya bukan sahaja akan mendahulukan Taman Bimbingan Kanak-kanak yang lain, bukan maksud saya untuk lebih muncul secara membuta-tuli, tetapi dalam soal penekanan yang dibuat oleh Perdana Menteri iaitu menekankan betapa perlunya kepada program jenerasi moden dan juga kepada pengenalan komputer oleh negara ini, saya rasa idea ini perlu diterapkan.

Kita rasa boleh kita lakukan dengan cara membeli komputer yang ringan, mesin-mesin dalam \$200 ataupun \$300. Kalau sekiranya pihak Kementerian tidak mampu mungkin pada peringkat awal kita dapat memungut derma sama ada daripada badan-badan berkanun seperti PETRONAS ataupun orang perseorangan ataupun ahli-ahli perniagaan dan sebagainya. Komputer ini juga sebagaimana yang saya tahu di

negara-negara lain seperti di Amerika Syarikat dan Britain telah pun menggunakan pelajaran komputer di Taman Bimbingan Kanak-kanak mereka. Kita boleh menggunakan diskette-diskette daripada negara-negara asing sebagai misal katakan pengenalan bahasa Inggeris asas kepada kanak-kanak sekolah itu sendiri.

Perkara yang kedua yang saya hendak tekankan iaitu hari ini kita mendapati kurang guru-guru. Kelas yang kita ada, seperti yang saya sebutkan tadi lebih kurang 4,000. Tetapi guru-guru yang ada, yang terlatih hanya sekadar 3,000 sahaja. Ini kekurangan lebih kurang 1,000 orang. Kekurangan 1,000 orang ini sering ditampung oleh pembantu-pembantu yang tidak bertauliah ataupun yang tidak pergi kursus. Ini satu perkara yang sangat ketara sifatnya.

Saya juga dapati bahawa pembantu-pembantu di kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak di seluruh negara adalah sangat tidak mencukupi. Kalau ada pun pembantu itu, adalah mereka yang bekerja secara sukarela dan yang diberikan imbuhan daripada potongan gaji, dahpada pemotongan sumbangan ibu bapa sebanyak \$546 sebulan ataupun daripada derma perseorangan. Soalnya sekarang apabila mereka mendapat gaji atau imbuhan yang tidak consistent ataupun yang tidak tetap ini banyak menyusahkan orang ramai, terutama ibu bapa dan juga pelajar-pelajar itu sendiri. Apa salahnya sekiranya kita memastikan bahawa semua 4,000 lebih itu sekurang-kurangnya kalau tidak lebih pun seimbang dengan keperluan guru Taman Bimbingan Kanak-kanak ataupun pembantu itu sendiri, dan saya kira gaji yang diberikan oleh pihak KEMAS kepada guru-guru sebanyak \$400 ini perlu disemak kembali memandangkan tugas-tugasnya yang sangat berat. Begitu juga gaji yang diberi oleh pembantu dalam kadar \$200 ini perlu

juga dipertingkatkan bagi memastikan usaha mereka, tumpuan mereka itu akan menjadi lebih baik dan seumpamanya.

Saya juga mengesyorkan yang ketiga, iaitu perlu ditubuhkan tabung pelajaran anak-anak yang boleh dibuat di peringkat kawasan Parlimen atau daerah masing-masing yang mana apabila tabung ini dapat diwujudkan, perlu juga kita wujudkan jawatankuasa penyelarasan di peringkat TBK dan pihak KEMAS ataupun pihak Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat atau sesiapa sahaja boleh memberikan bantuan ringgit ke ringgit. Misal katakan kalau jawatankuasa penyelarasan bahagian itu sendiri dapat \$2,000 perlulah kita berikan bantuan \$2,000 lagi menjadikan \$4,000 di mana wang ini perlu diberikan bagi mengatasi masalah kadang-kadang makan minum yang tidak mencukupi walaupun dibantu oleh KEMAS gajinya tidak mencukupi walaupun ada oleh Pembantu KEMAS dan seumpamanya.

Perkara yang keempat yang saya hendak timbulkan iaitu perlu adanya konsep perniagaan di kalangan pelajar-pelajar Taman ini sendiri. Orang mungkin ketawa, budak kecil hendak belajar apa, hendak berniaga apa. Tetapi soalnya semangat berniaga ini perlu kita tanamkan daripada awal-awal melalui pelbagai aktiviti-aktivitinya misal katakan itu boleh diajar untuk menyimpan di Bank Simpanan Nasional ataupun di bank yang lain, dan juga kita perlukan mereka itu menyertai misal katakan melalui lagu-lagu. Hari ini kita lihat lagu-lagu yang kita sampaikan kebanyakan berbentuk penjajah ataupun tidak mirip kepada semangat perniagaan itu sendiri.

Jadi, semangat perniagaan boleh kita lakukan, boleh kita jalankan sama ada melalui saving ataupun lagu-lagu, aktiviti-aktiviti ataupun di hari-hari penyampaian sijil dan seumpamanya.

Ini sangat penting bagi memastikan jenerasi awal kanak-kanak ini boleh menambah serta menanam minat mereka melalui perkara-perkara yang seperti ini.

Selain daripada itu juga kita melihat perkara yang kelima yang perlu ditekankan iaitu perpustakaan pada Butiran 00300 kutubkhanah Luar Bandar,

Hari ini khutubkhanah yang ada di luar bandar kurang iaitu saya kira lebih kurang 300 buah sahaja. Sedangkan kampung-kampung begitu banyak sudah barang tentulah untuk memajukan semua sekali sudah tentu tidak ada peruntukan. Tetapi yang saya persoalkan bentuk dan sifat perpustakaan itu sendiri iaitu terlalu tradisional sifatnya. Iaitu hanya sekadar ada buku-buku sahaja dan buku-buku itu terlalu biasa seperti juga di sekolah-sekolah. Saya mencadangkan supaya kita menjadikan perpustakaan itu sebagai pusat sumber untuk rujukan anak-anak kita yang mengambil SPM, MCE atau STP. Ini boleh diselaraskan dengan Perpustakaan Negeri dan juga Perpustakaan Negara. Saya nampak tidak ada satu bentuk penyelarasan di peringkat negeri dan juga negara bagi memastikan pusat-pusat kutubkhanah di kampung-kampung ini berfungsi dengan baik. Misal kata, waktu malam atau waktu siang apa salahnya kita mengadakan pegawai yang khusus daripada mengadakan pegawai seorang diri sahaja sekarang ini di perpustakaan kampung. Dengan adanya beberapa orang pegawai yang khusus kita dapat membentuk satu suasana yang lebih selesa, yang lebih aman di mana cukup kerusi, meja dan sebagainya boleh dijadikan pusat-pusat perpustakaan ini sebagai sumber-sumber atau tempat-tempat untuk belajar atau mengulang kaji.

Apa yang berlaku sekarang iaitu pusat-pusat perpustakaan atau kutubkhanah ini hanya diadakan di

ruang-ruang yang sempit dan terhad di penjuruan-penjuru tertentu sahaja di balairaya-balairaya ataupun di tempat-tempat yang tertentu. Ini perlu diluas dan dilebarkan.

Kalau sekiranya hanya setakat untuk seorang dua menampung dengan tidak adanya konsep pembelajaran yang begitu meluas saya kira tempat atau perpustakaan ini hanya merupakan tempat pinjaman buku, balik; pinjam buku, balik. Ini berbentuk tradisional sifatnya.

Juga saya mengesyorkan supaya perpustakaan ini juga kalau tidak diadakan di balairaya-balairaya diluaskan ke masjid-masjid ataupun surau-surau, cuma hati-hati, di masjid atau di surau orang PAS ini, takut cara dia lain. Ini kita perlu tekankan supaya fungsi kutubkhanah luar bandar ini disemak balik dan juga dipastikan perhatiannya kepada kepentingan pelajar-pelajar, bukan setakat pinjam, ini pinjam buku cerita, buku lama-lama ini semua orang boleh buat. Tetapi fungsinya, itu perlu disemak balik bagi memberi faedah kepada anak-anak yang menghadapi peperiksaan LCE, SRP, SPM ataupun STP itu sendiri.

Di Butiran 00100 iaitu Kemajuan Masyarakat atau KEMAS itu sendiri, saya melihat apa yang dibuat oleh Kementerian ini adalah sesuatu yang baik. Tetapi saya ingin mengesyorkan supaya matlamat dari segi ini mestilah jelas, mestilah selari dengan dasar Kerajaan terutama dalam usaha membangunkan negara ini kepada negara industri. Apa yang ditekankan pada hari ini iaitu mengadakan kampung baru, industri kampung dan sebagainya. Ini satu perkara yang penting. Tetapi saya ingin mengesyorkan dan menekankan kepada tiga perkara yang asas, satu menggerakkan kampung-kampung Melayu, kampung-kampung luar bandar ini ke arah kampung-kampung yang moden dalam bentuk pertanian dan juga

dalam bentuk mini estet sebagaimana yang telah diadakan sekarang ini. Tetapi dasar-dasar menggerakkan mini estet atau menggerakkan mini industri di kampung-kampung ini perlulah juga ditekankan kepada dasar yang lain iaitu Kerajaan hari ini menjalankan satu dasar baru, polisi memperoleh rakyat sebanyak 70 juta di ambang tahun 2000 nanti.

Saya kira ini sangat penting dan KEMAS boleh memberi peranan untuk melahirkan warganegara bukan sahaja ramai tetapi mereka yang bertanggungjawab, yang sihat, yang cergas dan yang dinamis dan polisi ini perlu dikejutkan dengan secara ketara kerana saya melihat soal saranan Perdana Menteri itu sahaja tidak akan bergerak dan tidak akan bertungsi ke mana kalau sekiranya ianya tidak digembelinkan pada peringkat awal. Apakah bentuk dan perancangan kita dalam usaha melahirkan manusia yang berkualiti? Manusia yang berkualiti ini adalah berbeza dengan manusia yang berkuantiti. Manusia yang berkualiti sudah barang tentu mempunyai rasa tanggungjawab dan nilai kemanusiaan yang tinggi.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dan terakhirnya menyentuh nilai kemanusiaan yang tinggi, polisi yang terakhir iaitu penerapan nilai-nilai Islam. Semangat ataupun soal kerohanian ini perlu dijadikan dasar. Jadi tiga perkara sebagai kesimpulan dalam soal ini, saya terpaksa bercakap dengan cepat, iaitu:

- (i) pembangunan ala kampung baru;
- (ii) polisi kepada 70 juta penduduk; dan
- (iii) penerapan nilai-nilai Islam.

Ini perlu dijadikan wadah, darah daging dalam usaha menjadikan masyarakat Malaysia yang digembelinkan yang digerakkan oleh kakitangan Kemajuan Masyarakat, bukanlah sesuatu ke arah mengesyorkan supaya masyarakat mengubah sikap, mengubah sikap tetapi apa yang hendak diubah, apa yang hendak digerakkan semata-mata sikap dan mental. Tetapi kualiti itu perlu diisi dan perlu digerakkan dalam tiga bentuk bidang yang utama sebagai satu polisi yang baru iaitu industri, kualiti penduduk dan juga penerapan nilai-nilai Islam.

Kerana masa yang tidak mengizinkan dan yang begitu terhad, saya berhenti di sini sahaja dan akhirnya saya menyokong peruntukan yang telah ditetapkan sebanyak yang telah tercatat itu kepada pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.45 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya cuma membangkitkan satu perkara sahaja yang terkandung dalam mukasurat 249, Maksud B.54, Butiran 030000—Pembangunan Koperasi.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai Pembangunan Koperasi, saya ingin memberikan tumpuan ucapan saya kepada dua aspek yang menjadi tanggungjawab Jabatan Pembangunan Koperasi iaitu koperasi yang menjadikan aktiviti pembinaan perumahan sebagai aktiviti utama dan koperasi yang menjalankan kegiatan pengambilan deposit. Saya terpaksa membangkitkan dua aspek ini kerana ia merupakan isu yang serius yang kerap mendapat liputan akhbar akibat penyelewengan dan penyalahgunaan

kuasa yang berlaku dalam koperasi-koperasi yang berkenaan. Akibat dari ini keyakinan masyarakat terhadap kegiatan koperasi merosot dan jika langkah-langkah pemulihan tidak diambil untuk mengembalikan keyakinan masyarakat, maka masyarakat mungkin menjauhkan diri atau tidak mahu melibatkan diri dalam kegiatan koperasi pada masa akan datang.

Saya menyebut hal ini kerana perumahan merupakan salah satu kegiatan yang dibenarkan oleh Akta Koperasi 1948 dan banyak syarikat koperasi telah ditubuhkan semenjak beberapa tahun kebelakangan ini yang bertujuan untuk mengumpul modal dan menjalankan kegiatan membina, memaju dan menjual rumah-rumah kepada ahli-ahlinya.

Banyak pihak memilih koperasi sebagai usaha untuk memajukan projek perumahan kerana menerusinya modal mudah dikumpul yang dibayar oleh ahli-ahli dan keduanya, kegiatan mereka terkeluar dari bidang kuasa tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini bererti bahawa Kementerian Perumahan tidak ada kuasa untuk mengambil tahu langsung tentang rumah-rumah yang dibina oleh koperasi-koperasi yang berkenaan dan Bahagian Penguatkuasaan dan Pengawasan Kementerian Perumahan tidak berbuat apa-apa ke atas aduan-aduan terhadap koperasi-koperasi yang membina atau bergiat membina rumah-rumah.

Kegiatan memajukan rumah-rumah oleh koperasi tidak boleh dianggap sebagai kegiatan kecil walaupun kegiatan ini merupakan salah satu daripada kegiatan syarikat-syarikat koperasi seperti penyimpanan dan pinjaman kepada ahli-ahli, saham-saham kegiatan perusahaan dan perniagaan termasuk fungsi-fungsi pengguna, perkhidmatan kenderaan dan pengangkutan, perladangan dan lain-lain, tetapi kecenderungan orang

ramai untuk mengumpul modal dan memajukan projek perumahan semakin meningkat sejak kebelakangan ini, maka ini akan membebankan tugas dan tanggungjawab Jabatan Pembangunan Koperasi yang bukan sahaja untuk menguruskan hal ehwal pelbagai koperasi dan kegiatan mereka, akan tetapi memerhatikan juga kegiatan-kegiatan projek perumahan yang dikendalikan oleh sesebuah koperasi.

Akibat kelemahan atau kekurangan yang terdapat dalam Jabatan Koperasi yang berkenaan serta jabatan berkenaan tidak berupaya mengawasi semua kegiatan dan perjalanan sesuatu koperasi secara terperinci, maka kegiatan koperasi membina projek perumahan kurang mendapat perhatian jabatan yang berkenaan. Kalau pun ada, tindakan hanyalah selepas aduan dibuat. Jabatan Koperasi tidak cukup berkuasa dan mempunyai tenaga kakitangan yang mencukupi untuk mengawasi semua kegiatan koperasi. Maka sesuai saya mencadangkan supaya Jabatan Pembangunan Koperasi menubuhkan sebuah Unit Kawalan Projek Perumahan Koperasi yang tugasnya antara lain mengawasi semua kegiatan pembinaan dan penjualan rumah-rumah kepada ahli-ahli koperasi.

Untuk memulakan sesuatu projek perumahan bukanlah kerja mudah termasuk juga oleh koperasi kerana ia melibatkan kerena birokrasi dan jika tidak diawasi dengan rapi akan mudah terdedah kepada penyelewengan.

Dalam hal ini, unit tersebut memerlukan tenaga kakitangan yang cukup dan terlatih yang boleh mengawasi kegiatan-kegiatan perumahan, di samping pengawasan ke atas kegiatan-kegiatan lain. Tugas Jabatan bukan sekadar melesenkan koperasi untuk memajukan projek perumahan, tetapi haruslah meliputi kawalan dan pengawasan ke atas projek-projek perumahan.

Di sini saya ingin menyebut ini sebagai satu contoh koperasi yang memajukan kegiatan perumahan seperti Taman KSM di Petaling yang telah terbengkalai dan sehingga sekarang adalah terletak di bawah "receivership", dengan izin, oleh Bank Negara dan sehinggakan ada kakitangan-kakitangan Kerajaan sendiri yang telah meminjam dari Perbendaharaan untuk membeli rumah di situ dan potongan gaji telah pun dibuat sedangkan tapak projek rumah itu masih kosong.

Dalam contoh yang lain, Koperasi Serbaguna Tenaga Bersama (Malaysia) Berhad yang terlibat menjalankan kegiatan projek perumahan oleh pihak pengurusannya tanpa disedari lebih awal oleh pihak Jabatan Koperasi berkenaan menunjukkan kepada kita betapa perlunya pengawasan dan penguatkuasaan ke atas kegiatan koperasi dipertingkatkan. Jabatan Koperasi tidak sekadar hanya menunggu laporan Mesyuarat Agung Tahunan sahaja baru hendak mengetahui kedudukan sesebuah koperasi sahaja. Dalam hal ini, squad atau Pasukan Penguatkuasa Jabatan Koperasi haruslah dipertingkatkan, dipertingkatkan ataupun diperkuatkan bagi mengawasi kegiatan-kegiatan koperasi. Walaupun Jabatan tidak berupaya mengawasi setiap gerak-geri ahli-ahli Lembaga Pengarah sesebuah koperasi, tetapi menerusi penguatkuasaan yang lebih awal dan tegas, kemungkinan tidak boleh melakukan penyelewengan dalam koperasi adalah besar sekali.

Isu penyelewengan 24 buah Koperasi Penerima Deposit yang didedahkan dua tahun yang lalu merupakan titik hitam dalam kegiatan koperasi yang sukar dilupakan dan ini mestilah menjadi pengajaran kepada koperasi-koperasi lain di negara ini. Negara tidak sanggup menerima lagi penyelewengan koperasi kerana penyelewengan yang berlaku ke atas

24 KPD itu melibatkan 588,000 ahli, 630 cawangan, 3,000 pekerja dan jumlah deposit terkumpul kira-kira \$1.5 billion. Ini sudah cukup memberi kesan yang mendalam dalam sanubari rakyat.

Saya juga ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan supaya Akta Koperasi 1948 ini dapat disemak dan dikemaskinikan dengan keperluan dan keadaan semasa supaya koperasi yang menyeleweng dan tidak bertanggungjawab dapat dikesan dan diambil tindakan lebih awal dan dalam pada itu, di samping aspek undang-undang, maka pendidikan koperasi haruslah juga dipertingkatkan dan didedahkan kepada rakyat. Koperasi bukan sahaja boleh meningkatkan kegiatan ekonomi rakyat, tetapi kesan sosialnya boleh menyatupadukan masyarakat dalam satu pertubuhan yang lebih besar dan ke arah tujuan yang sama. Maka jalan yang sesuai dan wajar dilakukan pada Jabatan Koperasi ialah mengadakan Hari Koperasi ini sebagai usaha menyemai dan menyedarkan rakyat kesan positif dan faedah dari penyertaan koperasi. Konsep koperasi yang boleh menyatupadukan pelbagai kaum harus didedahkan kepada rakyat jelata dan pendidikan koperasi ini memerlukan cabaran dan kerja kuat Jabatan Koperasi itu sendiri untuk menyedarkan rakyat pentingnya koperasi ini sebagai satu cara memaju dan membangunkan ahli-ahlinya. Sekian.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Saratok.

4.55 ptg.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau (Saratok): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh yang terkandung di muka 251, Butiran 01700 Bekalan Elektrik Luar Bandar, 02000 Bekalan Air Luar Bandar dan Butiran 02300

Pemberian Kepada Negeri-negeri Untuk Jalan Di Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, di seluruh negara peruntukan kepada ketiga-tiga Butiran ini ada lebih \$3,667,950 sahaja dalam tahun 1989 daripada peruntukan tahun 1988. Tetapi peruntukan kepada Butiran-kecil 01 Bekalan Elektrik Luar Bandar di Semenanjung adalah \$7¹/₂ juta dalam tahun 1989 daripada tahun 1988. Begitu juga peruntukan bagi Bekalan Air Luar Bandar, Butiran-kecil 01, di Semenanjung adalah lebih \$21 juta dalam tahun 1989 daripada tahun 1988 ini.

Tuan Pengerusi, tujuan peruntukan dalam tahun 1989 kepada negeri Sarawak mengenai Elektrik Luar Bandar dalam Butiran-kecil 02 adalah kurang sebanyak \$1 juta lebih dari tahun 1988 dan \$25,350,000 dari tahun 1986 dan 1987. Di sini saya suka memberi gambaran yang jelas berkenaan dengan keadaan yang sebenar mengenai elektrik luar bandar sampai masa sekarang mengikut apa yang ada di kawasan saya di Saratok sebagai contoh. Dan saya percaya begitu juga keadaan di dalam kawasan-kawasan yang lain di Sarawak ataupun di Sabah dan mungkin begitu juga di Semenanjung oleh kerana peruntukan yang banyak.

Tuan Pengerusi, mengikut peruntukan yang ada dalam tahun 1986 dan 1987 sebanyak \$30 juta kepada negeri Sarawak, saya difahamkan sebahagian dari peruntukan ini dibelanjakan oleh Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak untuk menyambung dan membekal segala kemudahan dari apa yang sedia ada di pekan Saratok kepada penduduk-penduduk orang-orang Melayu yang ada selama ini di kampung hulu dan hilir pekan itu ataupun yang dikenali sebagai kampung masjid dan kampung Melanau. Selain daripada itu, perbadanan tersebut menyambung dan membekal segala kemudahan yang difikir perlu ke kawasan di luar

pekan Saratok ke rumah-rumah persendirian orang-orang Cina dan Iban di sepanjang 4 km jalan pekan Saratok menuju jalan besar utama Sarawak. Jadi sambungan kemudahan ini sampai ke satu rumah panjang Iban dan beberapa buah rumah-rumah persendirian di sepanjang jalan besar utama Sarawak sepanjang 1 km sahaja mulai dari simpang jalan pekan Saratok tadi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila orang-orang Iban kebanyakan di rumah panjang yang berdekatan di sepanjang jalan utama Sarawak mulai dari simpang jalan pekan Saratok menuju ke sempadan dengan Betong dan kawasan bahagian Sarikei nampak tali elektrik sudah menuju ke rumah-rumah mereka, tetapi belum sampai, tentu sekali orang-orang yang berkenaan di dalam kawasan saya bertanya bilakah tali elektrik akan sampai di rumah-rumah panjang ataupun kawasan mereka. Apabila saya bertanya kepada Pengurus Besar Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak, beliau memberitahu Perbadanan tersebut akan menyambung ke tempat yang sesuai apabila peruntukan diberi dari Kerajaan Persekutuan.

Di sinilah saya sebagai wakil rakyat dari kawasan Saratok mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat menerusi Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta semua di Kementerian beliau kerana rakyat-rakyat di luar pekan Saratok dan di Kabong telah menerima kemudahan api elektrik dalam masa dua tahun ini dari Kerajaan Pusat dan saya berharap iaitu Kementerian tersebut akan menambah banyak lagi peruntukan-peruntukan kepada negeri Sarawak mulai dari tahun 1989 supaya orang-orang di luar bandar di negeri Sarawak dan Sabah dapat menikmati segala kemudahan setanding dengan apa yang diberi kepada orang-orang luar bandar di Semenanjung di sini.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan peruntukan bekalan air dan lebih-lebih lagi peruntukan \$90 juta yang ada di seluruh negara yang akan diagihkan kepada negeri-negeri untuk jalan-jalan di luar bandar. Dengan harapan ini saya menyokong peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada tahun 1989.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.01 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 250, butiran 01100—Majlis Amanah Rakyat, kod 01—Program Pelajaran di bawah Biasiswa dengan anggaran \$112,500,000.

Tuan Pengerusi, saya mengalukan dasar MARA yang telah memberi beberapa galakan terhadap pemegang-pemegang biasiswa atau peminjam-peminjam pinjaman pelajaran di mana pelajar-pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang akan mendapat diskaun atas pembayaran balik pinjaman tersebut. Saya difahamkan bahawa diskaun ini bergantung kepada pencapaian iaitu di antara 25% dan 100%. Saya rasa sistem ini baik kerana ia akan memberi insentif untuk pelajar-pelajar di bawah anjuran MARA untuk lebih tekun dan mencapai prestasi yang tinggi dalam kursus masing-masing. Namun begitu saya ingin menyarankan supaya diskaun yang akan diberi ini dipertingkatkan lagi iaitu sebanyak antara 50% dan 100% mengikut pencapaiannya. Umpamanya, semua pelajar yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas 1 diberi diskaun 100%; Sarjana Muda Kelas 2 atau—50%; dan kelas 2 bawah diskaun sebanyak 25%.

Selain daripada itu saya fikir adalah juga wajar supaya semua siswa-siswa anjuran MARA yang tidak dapat berkhidmat dengan Jabatan atau agensi Kerajaan dalam tempoh masa yang tertentu, umpamanya 3 tahun, dilepaskan daripada ikatan perjanjian untuk membayar balik pinjaman mereka. Pelepasan ini akan meringankan tanggungan penjammpenjamin mereka yang boleh didakwa apabila pelajar tidak mempunyai pekerjaan yang tetap bukan sahaja untuk membayar balik pinjaman tetapi juga menyara hidup diri sendiri,

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Institut Kemahiran di bawah butiran yang sama di mukasurat 250, saya mengucapkan tahniah di atas usaha MARA untuk membangunkan Pusat Giat MARA atau Mini IKM yang telah diwujudkan di seluruh negara. Saya berpendapat pembinaan Mini IKM ini sudah kena pada masanya memandangkan rancangan Kerajaan ke arah ekonomi perindustrian, malahan yang ingin menyaranakan supaya jumlah Mini IKM sebanyak 12 sekarang ditambahkan lagi untuk menampung keperluan melatih belia-belia ke arah pekerjaan dalam sektor industri. Mungkin juga dalam hal Mini IKM ini pihak MARA boleh menyelaraskan program latihannya dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti pusat-pusat latihan Kemahiran Belia-belia di Pertak, Dusun Tua dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 251, Butiran 01700—Bekalan Elektrik Luar Bandar dengan anggaran \$118,174,000 dan Butiran 02000—Bekalan Air Luar Bandar dengan anggaran \$90 juta. Saya ingin menggesa pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk mempercepatkan lagi bekalan elektrik dan air di kawasan-kawasan desa di seluruh negara walaupun kebanyakan kampung di negara ini, terutamanya di Semenanjung telah mendapat bekalan

kemudahan asas seperti api dan air, tetapi masih lagi terdapat kampung-kampung yang tidak mempunyai api atau air atau kedua-duanya sekali. Hal ini merumitkan penduduk-penduduk berkenaan dan saya percaya setiap rakyat di negara kita berhak mendapat kemudahan asas iaitu bekalan api dan air memandangkan kita telah merdeka lebih daripada 30 tahun. Ini bermakna bahawa bekalan api dan air itu hendaklah diberi keutamaan.

Tuan Pengerusi, saya juga merujuk kepada mukasurat 252, Butiran 03000—Program Industri-industri Kecil dengan anggaran sebanyak \$5,019,000 dan ingin mencajangkan usaha ini diubahsuai memandangkan rancangan industrialisasi negara. Usaha-usaha untuk mengubah corak industri-industri kecil hendaklah dikesmasinikan iaitu industri-industri kecil yang akan diwujudkan hendaklah juga merupakan industri-industri kecil yang menyokong industri-industri berat seperti HICOM dan sebagainya. Dengan pengwujudan industri sokongan, saya percaya ia boleh mempercepatkan pembangunan ekonomi industri berat di negara ini dari segi kos dan juga akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil untuk mendapatkan pasaran yang lebih stabil. Ini juga bermakna bahawa lebih banyak lagi penduduk-penduduk di luar bandar akan dapat bekerja dalam bidang industri walaupun cara kecil-kecilan ataupun sebagai industri sokongan sahaja. Dalam hal ini juga saya rasa pengwujudan industri-industri kecil atau industri-industri sokongan adalah sesuai di negeri-negeri yang tidak dimasukkan ke dalam corridor perindustrian seperti di Kedah, Perlis, Kelantan dan Pahang. Kalau tidak, negeri-negeri yang tidak di dalam corridor tersebut akan tidak begitu maju jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lebih bernasib baik seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin merujuk kepada Butiran 03100—Program Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah atau FELCRA, di muka surat yang sama. Saya cadangkan supaya pihak Kementerian memperbanyakkan lagi skim pemulihan tanah memandangkan harga komoditi utama seperti getah dan kelapa sawit agak stabil dan memberi jaman hidup kepada pekebun-pekebun kecil dalam skim-skim agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, RISDA dan FELCRA. Saya juga ingin menyarankan supaya peserta-peserta FELCRA juga ditambah kemudahan-kemudahan lagi, terutama dalam hal-hal pemasaran keluaran mereka dan mungkin dalam perkara ini aktiviti boleh diselaraskan dengan agensi-agensi Kerajaan yang sedia ada. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kapit.

5.08ptg.

Tuan James Jimbun anak Pungga (Kapit): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 251, Butiran 02300—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar dan Butiran 02500, program kecil 01—Pembangunan Masyarakat, Menaikkan Taraf Jalan Kampung sekaligus.

Saya menyambut baik keputusan Kerajaan untuk memberi peruntukan yang begitu besar kepada kedua-dua butiran tersebut. Dengan peruntukan yang begitu besar, saya berharap banyak lagi jalan luar bandar, khususnya di kawasan saya di Kapit dapat dibina secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, sepertimana saya sentuh dahulu kawasan luar bandar, khususnya di kawasan saya di Kapit begitu jauh tertinggal dalam pembangunan jalanraya. Maka saya

penuh harapan dengan peruntukan ini Kementerian dapat memberi kepada kawasan saya di Kapit.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya dari jumlah \$90 juta untuk jalan luar bandar di bawah butiran 02300, berapakah akan diperuntukkan di negeri Sarawak dan Sabah dan apakah asas Kementerian memperuntukkan jumlah ini ke negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana menambahkan peruntukan untuk Butiran 02500, butiran kecil 01—Menaikkan Taraf Jalan Kampung ke \$120 juta. Saya juga ingin tahu dari jumlah ini berapakah diperuntukkan ke Sarawak dan Sabah.

Tuan Pengerusi, kebanyakan jalan ke rumah panjang dan ke kampung memerlukan peningkatan taraf. Di kawasan saya misalnya, jalan-jalan itu hanya jalan-jalan kaki atau "footpath", dengan izin dan "jungle track" memerlukan dengan adanya peruntukan ini yang begitu baik. Saya berharap keadaan jalan akan berubah.

Tuan Pengerusi, saya tidak berpuas-hati dengan pelaksanaan projek di bawah tajuk ini. Misalnya, pada tahun 1988 peruntukan ini diluluskan terus oleh Pejabat Pembangunan Negeri tanpa membuat kajian terperinci. Kedua-dua peruntukan ini dibuat akhir tahun ini dalam bulan Oktober. Tuan Pengerusi, maka saya mencadangkan bahawa perundingan dibuat dahulu sebetum peruntukan ini dilaksanakan supaya belanjawan diperuntukkan dapat diguna dengan berkesan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 02500, butiran kecil 02—Rancangan Pemulihan Kampung dan 03—Amalan Makanan dan Pemakanan, di mukasurat 251.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Kementerian untuk

mempergiatkan lagi rancangan ini demi kepentingan rakyat luar bandar. Saya berharap kegiatan ini diperluaskan khasnya kepada kawasan luar bandar di Sarawak seperti kawasan saya di Kapit dan di Daerah Soh. Di Daerah Soh adalah daerah di mana taraf kemiskinan yang tertinggi di negeri Sarawak. Oleh yang demikian, saya rasa masa telah tiba bagi kita untuk mengatur rancangan untuk mengurangkan kesan kemiskinan di kawasan itu.

Tuan Pengerusi, saya juga merayu kepada pihak pelaksanaan bahawa rancangan ini dilaksanakan dengan teratur supaya akan menghasilkan kesan yang diharap-harapkan. Saya mencadangkan bahawa Wakil Rakyat di kawasan tersebut harus terlibat dalam pelaksanaan projek seperti itu. Selepas pelaksanaan, "follow-up", dengan izin, harus dibuat. Saya difahamkan "follow-up" begitu kurang sehingga projek itu dibiarkan berjalan tanpa kita faham kerananya atau sama ada projek itu membawa hasil yang kita sama-sama harapkan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sepang.

5.23ptg.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Pengerusi, Butiran 00100—Kemajuan Masyarakat, muka surat 250. Saya ingin menyarankan kepada Kementerian agar mengambil satu kajian semula mengenai penamatan tempoh penyelia-penyelia KEMAS kerana berusia lebih daripada 55 tahun. Jika boleh, dapat dipertimbangkan had umur ini sekurang-kurangnya ke umur 60 tahun jika didapati sihat tubuh badannya dan masih boleh menjalankan tugas.

Saya menyarankan demi kerana perlantikan ini ialah secara kontrak dari setahun ke setahun ataupun

mungkin agaknya sepanjang selebihnya 2 tahun. Sebahagian daripada Penyelia-penyelia KEMAS yang ditamatkan tempoh kerana berusia 55 tahun ini diberikan alasan kerana logiknya sekiranya tidak ada penamatan jawatan itu maka tidak ada petuang untuk mana-mana Penyelia lain ataupun mana-mana orang perseorangan mengisi jawatan tersebut. Bagi saya alasan sedemikian tentulah juga logik tetapi di dalam urusan mengendalikankan pembangunan masyarakat sudah pastilah memerlukan tokoh yang telah mempunyai pengalaman-pengalaman yang luas dan bukanlah mudah untuk membangunkan sebuah masyarakat di mana jika terdapat jawatan-jawatan itu ditukar ganti ataupun selalu berganti apatah lagi tokoh-tokoh yang belum ada pengalaman di dalam bidang ini. Oleh kerana itu, saya menyarankan kepada Kementerian supaya dapat dipertimbangkan semula penamatan tempoh perkhidmatan Penyelia-penyelia KEMAS daripada usia 55 tahun ini dan jika dapat dipertimbangkan sehingga 60 tahun.

Tuan Pengerusi, Butiran 00300—Khutub Khanah Luar Bandar. Pada tahun ini Kementerian memperuntukkan sejumlah \$900,000 kepada peruntukan Kutubkhanah Luar Bandar.

Saya suka mencadangkan bahawa peruntukan yang tidak seberapa banyak ini dapat diselaraskan dengan mana-mana Perpustakaan Awam di negeri-negeri yang mempunyai cabang atau cawangan-cawangannya di daerah-daerah ataupun di desa-desa. Saya dapati bagi negeri Selangor sendiri kita ada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor dan hampir setiap daerah dan hampir juga kebanyakan kampung mempunyai Perpustakaan Desa dan memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kekurangan-kekurangan dan tidak adanya kelengkapan buku-buku

di dalam Perpustakaan-perpustakaan Desa, baik di peringkat daerah mahupun di peringkat desa atau kampung.

Oleh yang demikian, saya berpendapat jika ada peruntukan sedemikian daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, maka eloklah peruntukan ini diselaraskan atau disalurkan kepada Perpustakaan ataupun Kutubkhanah Desa yang sudah ada. Saya mendapati sekiranya peruntukan yang sebesar ini dapat diagih-agihkan ke daerah-daerah tidak kurang di antara \$7,000 ke \$10,000 bagi tiap-tiap satu daerah dapat diperuntukkan dan kalau kita bayangkan \$7,000 ke \$10,000 memang banyak buku-buku yang dapat diperolehi dengan jumlah wang yang sedemikian. Lagipun, Tuan Pengerusi, saya mendapat Kutubkhanah di luar bandar di dalam anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar sekarang ini belum sistematik ataupun mempunyai sistem yang teratur di mana mungkin tidak ada bangunan-bangunan yang ditentukan dan tidak ada juga Pembantu-pembantu atau penjaga-penjaga Perpustakaan.

Oleh yang demikian, di mana perlu, di mana sesuai, kampung atau desa atau daerah yang sudah ada Perpustakaan yang sedemikian rupa, maka dapatlah diselaraskan dan disatukan. Jika kita dapat tihah peruntukan yang diadakan pada tiap-tiap tahun ini dan dibekalkan kepada daerah-daerah dan saya amat khuatir buku-buku ataupun bahan-bahan Perpustakaan ini tidak berapa teratur dan tersusun dan mungkin ditempatkan di Pejabat-pejabat KEMAS atau Pejabat Penyelia-penyelia sahaja dan kurang kemanfaatan ataupun kemanfaatannya yang tidak begitu maksima.

Tuan Pengerusi, Butiran 00900—Kemajuan Koperasi. Saya mengucapkan tahniah kepada

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana mengambil berat dan mengambil perhatian kepada memajukan gerakan koperasi dan alhamdulillah, dengan penekanan oleh Kementerian, saya difahamkan hampir kesemua daerah-daerah di dalam negara kita ini telah pun diwujudkan KPD ataupun Koperasi Pembangunan Daerah. Apa yang saya difahamkan kita tidak mahulah melihat bahawa Koperasi Pembangunan Daerah ini akan hidup segan mati tak mahu, kerana kurangnya dapat sambutan daripada ahli-ahli ataupun masyarakat luar bandar. Walaupun ada galakan-galakan daripada Kerajaan terutama sekali di dalam memberikan ataupun menyediakan secara otomatis Lesen Pemborong Kelas "F" kepada KPD-KPD ini.

Tuan Pengerusi, keahlian KPD ini rata-rata di dalam daerah di antara mukim ada juga terdapat yang ramai, ratusan dan ada juga yang ribuan banyaknya, tetapi jika kita dapat lihat dengan Kelas "F" sahaja yang kita berikan kepada Koperasi Pembangunan Daerah ini sama sahaja tarafnya dengan seorang individu yang mempunyai Kelas yang sama di dalam sesuatu daerah.

Saya mencadangkan kalau benar-benar kita hendak melihat Koperasi Pembangunan Daerah ini dapat berfungsi, ataupun dapat memberi faedah yang besar kepada rakyat luar bandar, maka saya mencadangkan dinaikkan ataupun Lesen Pemborong yang ada, Kelas "F" ini dipertingkatkan sekurang-kurangnya kepada Kelas "D" ataupun Kelas "B" atau "A" yang mana difikirkan perlu.

Saya berpendapat KPD tidak sepatutnya bersaing dengan ratusan pemborong-pemborong yang mempunyai lesen yang sama, kalaulah dapat kita lihat di mana dikurniakan atau diberikan Kelas "D" umpamanya bagi sesuatu KPD, maka terdapat kekurangan persaingan di antara individu dengan koperasi yang

diwujudkan. Yang demikian juga peruntukan-peruntukan ataupun pengagihan-pengagihan kerja juga boleh difikirkan, di mana seberapa boleh projek-projek yang agak besar diberi pertimbangan khas kepada KPD (Koperasi Pembangunan Daerah), kalau mungkin mukim di antara 2 atau 3 projek sahaja setahun contoh yang boleh dikurniakan atau diberikan kepada KPD, kemungkinan di antara jumlah \$100,000 atau \$1 juta, jumlah kerja boleh diberikan kepada Koperasi Pembangunan Daerah di tiap-tiap daerah, dan ini akan memberikan keyakinan kepada ahli-ahli di luar bandar untuk menyertai koperasi-koperasi yang diiktiraf ataupun yang diberikan sokongan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Selain daripada itu sekiranya dapat dipertimbangkan kenaikan Lesen Kelas "F" kepada "D" sekurang-kurangnya, maka hendaklah juga dapat dipertimbangkan, di mana pada masa ini pinjaman terus atas projek sebanyak \$100,000 yang diberikan kepada KPD ini juga haruslah dipertingkatkan ke angka yang lebih sesuai, sekurang-kurangnya \$500,000.

Seperkara lagi saya fikir melihatkan kakitangan yang ramai di Bahagian Pembangunan Koperasi, maka eloklah difikirkan supaya Koperasi di peringkat daerah (KPD Daerah) ini dapat diberikan pinjaman pegawai-pegawai di dalam membantu pengurusan KPD di peringkat daerah, sepertimana dapat dilakukan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, meminjamkan pegawai-pegawainya kepada PPK di mana setiap Pertubuhan Peladang Kawasan mempunyai Pengurus-pengurus Besarnya yang dipinjamkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya percaya usaha yang sama boleh dijalankan oleh Bahagian

Pembangunan Koperasi, di mana Koperasi-koperasi yang mundur boleh didatangkan pegawai-pegawai selain daripada khidmat nasihat yang diberikan, malahan pengurusan yang cekap juga boleh diberikan kepada KPD-KPD di peringkat daerah.

Satu perkara lagi yang saya hendak sambung, Tuan Pengerusi, ialah muka-surat 250, Butiran 01100—Majlis Amanah Rakyat. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana Kementerian telah mewujudkan ataupun MARA telah mewujudkan Pusat Giat MARA di setengah-setengah tempat.

Saya mencadangkan supaya Pusat Giat MARA ini diperluaskan kepada tiap-tiap daerah. Selain daripada usaha ataupun tumpuan mengadakan Pusat Giat MARA ini kepada kawasan-kawasan, rumah-rumah Kerajaan yang tertinggal, saya mencadangkan supaya Pusat Giat MARA ini dibuat secara terus bukan hanya menunggu ataupun mengenalpasti, di mana ada kawasan atau bangunan-bangunan lama sahaja. Kepada daerah-daerah yang mungkin tidak terdapat bangunan-bangunan antik ataupun bangunan lama ini untuk diperbaiki, maka eloklah Majlis Amanah Rakyat (MARA) memberikan peruntukan khusus bagi membina Pusat Giat MARA ini seberapa boleh. Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah Pusat Giat MARA yang telah diadakan ataupun sudah diwujudkan di dalam negara kita selama ini dan berapa ramaikah belia-belia yang terlibat, bagaimana keadaannya, pendedahannya sejak diwujudkan Pusat Giat MARA ini. Adakah ianya telah mendatangkan kejayaan dan sambutan daripada belia-belia kita, apakah ada cadangan untuk memperluaskan bidang-bidang ataupun bengkel-bengkel yang disediakan seperti yang ada pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5-22 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani: Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi, yang telah memberi peluang kepada saya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Buku Anggaran Program dan Prestasi 1989, muka surat 143—Tujuan Belanjawan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, yang mempunyai tujuan untuk memupuk pembangunan negara pada masa hadapan, khususnya kawasan-kawasan luar bandar dan kesempurnaan hidup yang seimbang kepada setiap rakyat di negara ini, sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Pengerusi, pada 10hb April, 1984, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu mesyuarat khas dengan para Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan-kerajaan Negeri dan Ketua Jabatan Persekutuan telah mengenalkan satu cara baru untuk membangunkan kawasan luar bandar. Idea baru beliau itu yang diberi nama "Hala cara baru dalam pembangunan kampung dan luar bandar", menegaskan komitmen berterusan Kerajaan pada kemunduran desa.

Di dalam buku Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia yang diterbitkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia ada menyebut:

"Sebenarnya semenjak tahun-tahun 1950an lagi penumpuan kepada pembangunan luar bandar telah menjadi satu tujuan dasar Kerajaan. Hasilnya sebahagian besar kawasan luar bandar telah dan sedang menikmati prasarana dan kemudahan moden seperti

jalanraya, jambatan, bekalan elektrik, air dan khidmat telefon, kawasan pertanian baru, sistem perairan, klinik, sekolah-sekolah dan lain-lain."

Satu kesan dari usaha-usaha ini adalah penurunan kadar kemiskinan luar bandar dari 59% dalam tahun 1970 kepada 25% dalam tahun 1984. Pencapaian-pencapaian ini sesungguhnya boleh dibanggakan tetapi masih belum memadai. Kadar kemiskinan 25% itu masih tinggi dan masih ramai penduduk desa yang tidak dapat atau belum dirasai khidmat prasarana dan kemudahan moden. Implikasi hakikat baru ini memperbaiki keadaan di luar bandar ala cara baru yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu daripada jalan-jalan baru itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 01700—Bekalan Elektrik Luar Bandar. Begitu juga Butiran 02000—Bekalan Air Luar Bandar. Kalau kita teliti dengan halus-halus belanjawan ini nescaya kita dapati bahawa peruntukan-peruntukan bagi luar bandar telah tidak dibelanjakan, sedangkan peruntukan-peruntukan bagi kawasan-kawasan bandar habis dibelanjakan. Seolah-olah perbelanjaan untuk bandar pandai, dihabiskan wang manakala peruntukan untuk kampung-kampung matawangnya itu disimpan di bawah bantal, seperti orang yang menyimpan wang di bawah bantal. Jadi, di sini saya suka menunjukkan angka-angka kepada Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya mengambil contoh bekalan elektrik luar bandar bagi jumlah anggaran yang diberi ialah sebanyak \$950,189,048 tetapi perbelanjaan sebenar bagi tahun 1981 hingga tahun 1985 hanya separuh sahaja daripada peruntukan yang diberikan iaitu sebanyak \$480,189,048.

Kalau kita perhatikan kepada peruntukan bekalan rancangan pemulihan kampung di bawah Butiran

02500 yang diberi bagi tahun 1986 sehingga tahun 1990 ialah sebanyak \$4 juta tetapi perbelanjaan sebenar bagi 1986 dan 1987 ialah zero, tidak ada langsung. Apakah sebabnya berlaku begini? Kalau kita hendak menghapuskan kemiskinan di kampung-kampung tetapi kita tidak membelanjakan untuk mereka sedangkan wang itu ada, apakah akan jadi kepada orang-orang kampung? Datanglah pekerjaan mana pun, datanglah sesiapa pun daripada langit, dari mana pun tidak akan dapat menyelesaikan kemiskinan orang-orang kampung kalau sekiranya peruntukan-peruntukan yang telah diberi itu tidak dibelanjakan. Ini adalah sesuatu yang sangat sedih. Yang sedihnya ialah berlaku kepada orang-orang miskin.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Manaf Haji Ahmad: Barangkali tidak ada masa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Haji Abdul Manaf Haji Ahmad: Satu minit lagi? Pendek sangat itu! (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: 10 minit sudah habis.

Tuan Haji Abdul Manaf Haji Ahmad: Baru sekejap sahaja saya cakap. (*Ketawa*) Saya hendak menggulung berkenaan gulong tikar dari orang-orang kampung dari kawasan Parlimen Sungai Petani.

Tuan Pengerusi, saya merasa sedih kerana kita telah lama mencapai kemerdekaan dan sudah lama kita beri peruntukan-peruntukan untuk memajukan kampung-kampung tetapi

malangnya bagi kawasan Parlimen Sungai Petani, kalau saya ceritakan kepada orang-orang tidak percaya bahawa penduduk-penduduk yang berhampiran dengan bandar, di belakang Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim di Sungai Petani tidak ada bekalan elektrik, tidak ada air, tetapi di tempat lain sudah sampai ke pendalaman dan sebagainya. Apakah puncanya? Adakah kerana wakil daripada kawasan Parlimen Sungai Petani belum pernah menjadi Menteri, maka peruntukan tidak sampai ke situ? (*Tepuk*) Maka hal ini sangat sedih sekali. Saya cakap dengan ikhlas, dan seikhlas-ikhlasnya marilah kita pergi ke Sungai Petani dan melihat sendiri tentang kemiskinan-kemiskinan yang ada di sana. Maka pada masa itu dapatlah kita menilai dan yang malangnya sekali peruntukan ada tetapj tidak dibelanjakan. . Saya pernah berjumpa pegawai-pegawai berkenaan, minta dilaksanakan, tetapi mereka kata tidak ada peruntukan. Macam mana tidak ada peruntukan? Di sini ada peruntukan, dan saya mengetahui daripada pegawai-pegawai berkenaan bahawa peruntukan yang diminta daripada awal tahun sehingga bulan Oktober belum sampai lagi. Katanya belum sampai lagi. Saya pergi Januari—belum, saya pergi Mac—belum. Jadi..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Masa sudah habis. Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.57 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, pertama saya ingin merujuk kepada mukasurat 249, Butiran 030000—Pembangunan Koperasi dan yang berkaitan iaitu 00900—Kemajuan Koperasi, mukasurat 250.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin bangkitkan bersabit dengan kemajuan koperasi ini ialah pemerhatian pihak Jabatan Koperasi terhadap Koop Bersatu iaitu salah satu koperasi usaha bersatu yang ditubuhkan atas aspirasi dan cita rasa orang-orang Melayu yang kita harap dapat turut serta membangun ekonomi orang-orang Melayu. Tetapi malangnya di akhir-akhir ini Koop Bersatu seolah-olah dialih pandang oleh pihak-pihak tertentu, mungkin oleh kerana Koop Bersatu sekarang ini dipimpin oleh mereka-mereka yang enggan menyertai Parti UMNO Baru. Saya menyebutkan perkara ini kerana bukan sahaja perkara ini dijadikan satu isu baru-baru ini malah Koop Bersatu tidak diberi perhatian. Walaupun begitu kita dapati Koop Bersatu terus dapat berjalan.

Walaupun sebelum Mesyuarat Agung Koop Bersatu ada pihak-pihak tertentu yang telah membuat aduan di Pejabat Polis Dang Wangi yang menggambarkan seolah-olah ada penyelewengan dalam Koop Bersatu. Saya ingin tanya pihak Jabatan Koperasi sesudah siasatan dibuat apakah Koop Bersatu ini benar-benar menyeleweng, kerana aduan dibuat yang dibesarkan oleh suratkhbar bukan mengenai Koop Bersatu tetapi ialah mengenai dengan Talasco Insurance Sdn Bhd. Tetapi seolah-olah seluruh kepimpinan dalam Koop Bersatu digambarkan sebagai orang-orang yang tidak bertanggungjawab tetapi nasib baik dan alhamdulillah ahli-ahli pemegang saham Koop Bersatu telah memberi sokongan kepada pimpinan yang ada pada waktu itu.

Perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan di sini ialah Koop Bersatu ini mempunyai berbagai-bagai kegiatan. Malah sebelum kepimpinan yang ada pada hari ini yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Dato' Harun Idris, bekas Menteri Besar Selangor

satu ketika dahulu. Selain daripada kegiatan-kegiatan yang ada Koop Bersatu ini juga mempunyai anak syarikat salah satunya ialah Syarikat Kewangan Usaha Bersatu iaitu KUBB. Tetapi KUBB ini ditadbirkan oleh Bank Negara ataupun di bawah pengawasan Bank Negara tertakluk kepada Akta Bank dan juga Akta Syarikat Kewangan. Tetapi saya kira pihak Jabatan Koperasi wajar memainkan peranan ataupun dalam melihat tentang kedudukan sesebuah Kooperasi yang mempunyai anak-anak syarikat dalam bidang kewangan supaya mereka mempunyai hak yang sama untuk mengetahui kegiatan-kegiatan dalam syarikat-syarikat berkenaan yang saya maksudkan seperti Syarikat Kewangan Usaha Bersatu.

Sebab saya difahamkan sebagai ahli-ahli yang mempunyai saham dalam Koop Bersatu, perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat Kewangan Usaha Bersatu langsung tidak dirujuk kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koop Bersatu. Mereka menamakan orang-orang tertentu malah pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan daripada Koop Bersatu langsung tidak diberi perhatian.

Maka kalau inilah caranya perkembangan sesebuah kooperasi yang mempunyai anak-anak syarikat dalam berbagai kegiatan, bagaimana mereka ini boleh membawa hasrat dan aspirasi ahli-ahli dan pemegang-pemegang saham.

Jadi, itu perkara yang pertama, Tuan Pengerusi, dan saya tidaklah membangkitkan perkara ini dengan tujuan semata-mata hendak membangkitkan tetapi saya kira ramai di kalangan ahli-ahli Koop Bersatu, pemegang-pemegang saham meminta saya kalau ada kesempatan menyebut perkara ini dalam Dewan yang mulia ini sebagai salah satu perhatian pihak Kementerian supaya pihak Kementerian melalui Jabatan Koperasi boleh turut sama memainkan

peranan dan menjamin setiap koperasi termasuk Koop Bersatu ini diberi perhatian dan peranan-peranan mereka ini tidak diganggu gugat ataupun tidak diambil kesempatan oleh pihak-pihak kita dengan menimbulkan perkara-perkara yang tidak ada kena mengena dengan pihak-pihak tertentu.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan mukasurat 250 mengenai dengan Majlis Amanah Rakyat iaitu 01000 di bawah Butiran 01200 Perdagangan dan Perindustrian. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sejauh manakah mengenai dengan kemajuan syarikat-syarikat MARA iaitu di bawah MARA Holding. MARA Holding mempunyai banyak perniagaan, sama ada dalam bidang pengangkutan, dalam bidang perdagangan dan sebagainya dan saya difahamkan sekarang ini MARA Holding sudah pun mempunyai Pengerusi baru. Pengerusi sebelumnya telah pun diganti dengan yang baru tetapi yang saya ingin tahu sejauh manakah prestasi keseluruhan MARA Holding ini sebab ada juga rungutan-rungutan di bawah Pengerusi

Tuan Ismail bin Said: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap, tidak boleh dengar Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Said: Di bawah tajuk perdagangan ini kita tidak minta duit tahun hadapan, it is token, saya rasa tidak boleh kita bincangkan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau begitu saya sebutkan di bawah Butiran 040000—Majlis Amanah Rakyat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, wakil dari Kemaman ini bagi pihak Kementerian mana pula menjawab?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu hak dia sebagai Ahli Dewan.

Tuan Ismail bin Said: Saya bercakap sebagai Pengerusi MARA.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, kalau begitu saya merujuk kepada Butiran 040000—Majlis Amanah Rakyat. Boieh tidak.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Majlis Amanah Rakyat, Butiran mana Yang Berhormat?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini umumlah. (*Ketawa*) Sebab kalau dilihat kepada Butiran pecahannya payah hendak masuk ini. Jadi, kalau saya sebut 011000 Majlis Amanah Rakyat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Cari satu yang ada duit. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Perkhidmatan pengangkutan. Pengerusi MARA tidak bersetuju pula nanti.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Perkhidmatan Pengangkutan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Pengangkutan, saya hendak bercakap hal MARA Holding. Saya tidak tahulah sama ada Tuan Pengerusi benar atau tidak, tetapi dalam bidang pengangkutan MARA Holding turut terlibat. Ya, okay.

Timbalan Menteri menggeleng kepala. Saya pun tidak tahu apa sebab. Tetapi saya rasa saya hendak sentuh juga hal MARA Holding ini iaitu secara ringkas sahaja Tuan Pengerusi, iaitu saya hendak minta Timbalan Menteri menjelaskan sebab banyak rungutan-rungutan di luar ataupun ada tuduhan-tuduhan yang perlu dibersihkan kononnya pembelian tanah dan sebagainya dalam MARA Holding yang mungkin Timbalan Menteri menjawab nanti, itu

satu tuduhan semata-mata tetapi kalau kita boleh buktikan bahawa ada perkara ini berlaku apakah pihak MARA sedia untuk mengambil tindakan sewajarnya menurut undang-undang.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak bangkitkan dan saya sudah dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Shah Alam.

5.46 *ptg.*

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman (Shah Alam): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 249. Butiran Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat berapa?

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: 249. Pada saya melihat kepada keadaan perkembangan Jabatan ini tajuk Butiran Pembangunan Masyarakat molek sudah tetapi Pelajaran Dewasa, rasa saya sudah tidak ada lagi. Tetapi kalau diadakan juga sebagai salah satu daripada kegiatannya, baguslah. Tetapi rasa saya semua orang di kampung sekarang ini sudah boleh membaca, yang dia tidak tahu lagi selok belok politik negara hari ini.

Saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan KEMAS. KEMAS ditubuhkan bagi tujuan memajukan masyarakat kampung, memberi pelajaran terutama kepada suri-suri rumahtangga kesedaran akan dasar-dasar Kerajaan dan meningkatkan kesedaran sebagai masyarakat yang bertanggungjawab. Saya memuji peranan KEMAS dari dahulu sampailah sekarang. Tetapi akhirnya ini terdapat mungkin pertambahan kurikulum pelajaran mereka ataupun tugas mereka iaitu

mereka berubah daripada menjadi agen memajukan masyarakat sekarang kepada satu peranan iaitu memisahkan masyarakat.

Tuan Pengerusi, maksud saya di negeri Selangor khususnya saya dapati wanita-wanita telah digalakkan supaya tidak berbaik di antara satu dengan lain. Seolah-olah bermusuhan di kelas-kelas yang dianjurkan oleh KEMAS, jika ada satu kumpulan lain yang datang menghadiri mereka diketepikan. Saya hanya hendak menyentuh sedikit janganlah orang terperanjat tetapi perkara ini berlaku dan saya sendiri yang terkena maka saya sendiri tahu dan sebab itu saya berani cakap, jika perlu saya akan mengemukakan perkara-perkara ini kepada pihak Kementerian.

Ada arahan tertentu Penyelia-penyelia KEMAS tidak dibenarkan bercakap dengan orang-orang tertentu. Jika bercakap mungkin dia akan dibuang jawatan dan ini secara terbuka

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya tidak berapa faham tetapi saya minta Yang Berhormat dari Shah Alam jelaskan sedikit, beri penjelasan. Adakah hal-hal ini kemungkinannya berikutan kekecuaan dalam UMNO dan fasal adalah pegawai-pegawai KEMAS sekarang sudah berpihak-pihak. Bolehkah beri penjelasan?

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Sudah tahu tak usahlah tanya lagi, buang masa sahaja. Tuan Pengerusi, sebenarnya itulah dia, tetapi pada saya fahaman politik adalah fahaman individu. Itu hak seseorang. Kalau dia merupakan

pegawai Kerajaan, jangan dia memihak kepada fahaman seseorang itu. Jalankanlah tugasnya untuk menyatukan masyarakat. KEMAS bertujuan untuk menyedarkan rakyat kepada tanggungjawab rakyat kepada Kerajaan. Dalam soal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mengatakan kalau seseorang orang Islam itu sudah mengarahkan seorang Islam yang lain memutuskan hubungan silaturrahim maka di dalam Al-Quran mengatakan dia tidak berbau syurga. Saya hanya hendak menyampaikan hasrat ini di Dewan yang mulia ini kerana saya difahamkan perkara ini juga sudah dibangkitkan. Contohnya lebih tepat dalam pilihanraya kecil di Johor, di Parit Raja baru-baru ini, Penyelia-penyelia KEMAS wanita agak berbeza tanggungjawabnya, berani sehingga bercekak-cekak pinggang untuk hendak mengganyang orang. Apakah ini satu sikap yang harus diamalkan oleh Penyelia-penyelia KEMAS.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 00300 muka surat 250, Kutubkhanah luar bandar. Saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain tadi berhubung dengan khutubkhanah ini. Kali ini jumlahnya yang dibuat peruntukan hanyalah \$900,000. Dalam usaha Kerajaan sekarang ini untuk hendak menggalakkan anak-anak supaya rajin membaca, tentulah kutubkhanah yang dimaksudkan ini cukup lengkap tetapi di dalam kawasan saya, saya lihat kutubkhanah ini boleh di kira buku. Tidak ada buku-buku pun setengah tempat itu. Tetapi peruntukannya ada di sini dan saya harap Kementerian akan mengambil perhatian. Kalau tidak ada duit, tidak usah diwujudkan perkara ini di dalam Maksud ini supaya orang tidak bertanya. Kita sebagai Wakil Rakyat, rakyat bertanya, Yang Berhormat ini ada peruntukan Kerajaan, tetapi mana pergi buku-buku. Anak-anak orang kampung yang diberikan peluang ini, pergi ke tempat kutubkhanah itu pun

bukunya tidak cukup. Ada setengah tempat amat kekurangan.

Satu perkara yang saya hendak bawa ialah Butiran 03000, industri kecil, masih berada di dalam keadaan yang tidak tersusun di mana kebanyakan daripada mereka tidak terlatih dan pasaran ini terhad. Tahun lalu ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam membincangkan peruntukan ini menyebutkan soal laporan. Satu laporan sedang disediakan oleh Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Khas ini termasuk Kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan Dewan Perdagangan dan Perindustrian. Sehingga ini taporan itu tidak sampai kepada kita dan kita tidak tahu apa yang dimaksudkan. Industri kecil, mereka ini masih tidak faham, mereka ini orang-orang yang terlibat dalam industri ini masih tidak faham peraturan-peraturan yang disediakan oleh badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan. Ini membuktikan bahawa satu susunan perlu dibuat oleh pihak Kementerian ataupun Jawatankuasa Khas yang dibentuk tadi menyusun usaha supaya satu penyelarasan perlu diadakan supaya mereka ini dapat menyalurkan segala kegiatan mereka itu mengikut usaha-usaha ataupun saluran yang disediakan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan Tadika. Ini di bawah

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Butiran 00400.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Ya, 00400, terima kasih. Saya hendak hanya mencadangkan kerana saya tengok ada duplicating, usaha-usaha ini ada bertindih dengan

usaha-usaha yang dibuat oleh pertumbuhan-pertumbuhan dan agensi-agensi lain. Saya harap Kementerian boleh menimbangkan Tabika dan Tadika ini diletakkan di bawah jagaan koperasi sebagai satu usaha atau sumber pendapatan mereka dan ini akan mengurangkan beban KEMAS supaya ia boleh menjalankan tugasnya di bidang-bidang yang lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, malangnya kita tidak ada masa lagi. Lebih-lebih saya biarkan Yang Berhormat dari Parit selama 5 minit.

5.56 ptg.

Tuan Nasruddin bin Haji Ahmg Saidin (Parit): Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kasih dan saya suka turut membincangkan Butiran 01700,02000 dan 03100, mukasurat 251 dan 252.

Sepertimana yang telah banyak sahabat-sahabat saya menyuarakan bersabit dengan bekalan elektrik di luar bandar, memang masih lagi banyak rakyat jelata, lebih-lebih lagi yang kedudukan kampung mereka terpencil ataupun kedudukan kawasan mereka terpencil yang masih lagi belum mendapat bekalan elektrik luar bandar. Sebagai contoh yang nyata lagi lama Kampung Lengkuas di kawasan Parlimen Parit yang terletak di ceruk yang tetah lama semenjak sehingga sekarang masih lagi belum mendapat bekalan elektrik, jauh sekali bekalan air. Saya telah pun menyuarakan perkara ini dalam Dewan ini beberapa kali, termasuklah soalan bertulis. Dengan harapan ini saya merayu sekali lagi supaya dipertimbangkan bekalan elektrik di Kampung Lengkuas, Parit. Saya memang memahami bahawa kos untuk membekalkan elektrik lebih kurang \$400,000 dan penduduknya lebih kurang dalam 60 keluarga. Kalau dikira memang mahal tetapi sudah

merupakan tanggungjawab saya dan tanggungjawab kita bersama untuk memberi kemudahan. Kalau tidak dapat beri air, beri elektrik pun memudahi, mencukupi, bagi saya dan juga bagi rakyat saya di Kampung Lengkuas. Ini merupakan priority

Dato' /ainal Abidin bin Zin:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Ahli Parlimen Bagan Serai hendak tahu, Tuan Pengerusi, berapa rakyat daripada Parit yang tidak dapat bekalan ini, 50% kah, 40% kah? Setahu Ahli Parlimen Parit memang kuat dalam Kerajaan dan kenapa pula peruntukan-peruntukan banyak tidak sampai ke kawasan beliau, kalau berbanding dengan kawasan saya? Terima kasih.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Pengerusi, soal kuat ataupun tidak kuat itulah kelebihan Kerajaan yang ada, sama semua. Cuma saya menyuarakan semoga dapat dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Kalau saya laju bercakap karang apah tak dengar, tak jadi benda. Begitu juga di tempat-tempat yang lain masih lagi banyak, tidak kurang daripada 20% secara pada keseluruhannya penduduk masih lagi belum mendapat bekalan elektrik.

Dari segi sudut Bekalan Air, Butiran 02000, di kawasan luar bandar masih lagi terdapat rakyat-rakyat jelata yang belum dapat lagi air dan perkara ini kalau boleh dipertimbangkanlah.

Berkisar kepada butiran 03000 FELCRA, saya suka merujuk dari segi pembangunan rancangan FELCRA Belia Nasarudin Bota Kanan, main pipe adalah lebih kurang 500 meter daripada rancangan begitu besar tetapi malangnya tak boleh bawa air ke Rancangan Belia Nasarudin di situ. Saya bukanlah marahkan pihak Kementerian tetapi pihak Kementerian yang berkenaan patutlah mengambil perkiraan. Oleh yang demikian, saya menyuaralah supaya diperuntukkan yang secukupnya dapat membolehkan perbekalan air ke Rancangan Belia Nasarudin. Kalau kita tengok peserta-peserta di Rancangan Belia Nasarudin, saya rasa kita sendiri pun tak larat hendak tengok. Airnya merah, lebih-lebih lagi di musim kemarau dan lebih-lebih lagi yang mempunyai anak-anak kecil sengsara sekali dalam masalah air ini dan saya merayulah supaya bekalan air ini dapat dilakukan seberapa cepat yang mungkin, supaya janganlah perkara itu timbul daripada satu pilihanraya ke satu pilihanraya yang lain.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat sudah habis?

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Terima kasih.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Sudah Ahli-ahli Yang Berhormat, tak ada masa. Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk sama-sama memberi sokongan

kepada peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat saya berikan 25 minit.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, Marang dan juga Sepang telah menyarankan supaya diwujudkan lebih banyak Kutubkhanah Desa (KKD) dan diperbanyakkan buku dan juga diwujudkan bangunan yang tetap bagi KKD ini.

Kementerian memang bercadang untuk menambahkan bilangan Kutubkhanah Desa. Pada tahun 1987 sebanyak 178 KKD telah diwujudkan dan pada tahun 1988 6 buah lagi akan ditambahkan. Buku-buku rujukan akan diperbanyakkan seperti buku rujukan untuk pelajar-pelajar dan juga buku-buku rujukan berkaitan dengan nelayan dan juga berkenaan dengan pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah membangkitkan supaya Kutubkhanah Desa akan diwujudkan sebagai pusat sumber. Setakat ini sebanyak 178 KKD telah dan sedang diperlengkapkan untuk menjadi pusat sumber. Balai-balai raya juga sedang dikenalpasti untuk menjadi pusat sumber di kampung-kampung dan dengan kerjasama KEMAS dan juga Jawatankuasa-jawatankuasa Kampung dan Masjid. Masjid juga akan dijadikan sebagai pusat di mana huku-huku dan lain-lain bahan akan diletakkan bagi menambah pengetahuan kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menyarankan supaya Pemaju Masyarakat Ekonomi Rumah Tangga diperluaskan pengetahuan dengan kelas-kelas dilengkapi dengan alat-alatan yang cukup.

Pemaju Masyarakat Ekonomi Rumah Tangga memang dari semasa

ke semasa diberikan latihan untuk menambahkan lagi pengetahuan mereka di bidang-bidang yang berkaitan dan kurikulum-kurikulum baru juga telah dikenalpastikan. Kelas Ekonomi Rumah Tangga didedahkan kepada mereka yang tinggal di luar bandar dan mereka ini juga telah pun digalakkan supaya mewujudkan budaya berniaga.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum Infokraf melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) dan juga Bahagian Industri Kecil di Kementerian telah mengarahkan supaya Pemaju-pemaju Masyarakat Ekonomi Rumah Tangga ini memberi latihan kepada penduduk kampung supaya Kelas-kelas Ekonomi Rumah Tangga dan juga Kelas Latihan Kemahiran (KLK) dapat diwujudkan sebagai pusat-pusat pengeluaran di kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga mencadangkan supaya KEMAS memainkan peranan membangunkan manusia berkualiti dalam usaha mempermodenkan kampung-kampung di luar bandar. Kementerian memang menyedari betapa pentingnya pembangunan manusia yang berkualiti dalam usaha mempermodenkan kampung-kampung di luar bandar dan telah menjadikan peranan ini sebagai peranan utama KEMAS. Institut SEDAR yang dilantik di bawah KEMAS juga akan menumpukan usahanya kepada tugas ini.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah membangkitkan agar penduduk-penduduk di luar bandar melalui KEMAS disarankan pengwujudan budaya niaga dan pelajaran komputer didedahkan kepada kanak-kanak melalui TBK KEMAS.

Tuan Pengerusi, budaya niaga telah dilaksanakan dalam kurikulum TBK KEMAS. Sudut niaga telah diadakan

di kelas-kelas TBK ini. Berkenaan dengan komputer, alat-alat permainan komputer telah dibeli dan akan dibekalkan kepada kelas-kelas TBK tetapi kemungkinan tidak semua TBK ini akan dapat dibekalkan komputer oleh kerana kekurangan peruntukan. Dalam masalah inilah saya mengharapkan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah dibenarkan membelanjakan peruntukan bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di kawasan masing-masing. Saya ingin mencadangkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat membelanjakan sedikit daripada jumlah ini untuk pembelian komputer berkenaan yang boleh dibekalkan kepada kelas-kelas KEMAS di seluruh tanahair.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga mencadangkan supaya kelas-kelas TBK diperbanyakkan. Kementerian memang bercadang untuk menambahkan lagi kelas-kelas TBK KEMAS ini melalui dua cara. Tiap-tiap Pemaju Masyarakat Kelas Bimbingan Kanak-kanak akan diarahkan untuk mengadakan dua sesi kelas, satu di sebelah pagi dan satu lagi di sebelah petang. Kini terdapat 3,691 buah kelas dan jika ini dapat dilakukan bermakna kita akan dapat menambahkan dua kali ganda lebih banyak kelas. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang dikaji daripada tempat ke tempat. Pembantu-pembantu Pemaju Masyarakat akan juga dilantik untuk menjadi Pemaju Masyarakat dan kini terdapat seramai 3,000 orang Pembantu Pemaju Masyarakat yang sedang bertugas dengan KEMAS dan jika mereka ini dapat diserapkan untuk menjadi Pemaju Masyarakat, maka bermakna kita akan dapat menambah 3,000 kelas lagi dan jika diadakan sesi pagi dan petang maka kita akan dapat menambahkan 6,000 kelas daripada cara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah menyarankan supaya dipertimbangkan supaya had umur bersara Penyelia daripada umur 55 tahun kepada 60 tahun. Tuan Pengerusi, adalah menjadi dasar Kementerian sekarang supaya umur bersara Penyelia ialah 55 tahun. Walau bagaimanapun syor Ahli Yang Berhormat itu akan diberi pertimbangan oleh Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok, Kota Setar dan Parit telah membangkitkan berkenaan dengan kemudahan-kemudahan asas yang disalurkan ke kawasan-kawasan luar bandar. Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk memberikan segala kemudahan asas kepada semua penduduk di luar bandar di negara ini. Oleh itu, Kementerian saya akan terus memberikan perhatian mengenai perkara ini, termasuk juga di Sabah dan di Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit menimbulkan terdapat kawasan yang tertinggal akibat tiada jalanraya yang sempurna ke kawasan Kapit. Beliau bertanya berapakah peruntukan bagi tahun 1989 dan beliau juga menyarankan supaya program Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) dilaksanakan dengan teratur dengan membuat tindakan-tindakan susulan supaya ianya benar-benar berkesan. Kementerian sedar masih terdapat kawasan-kawasan masih belum mendapat kemudahan jalanraya yang sempurna. Dari semasa ke semasa Kementerian telah meluluskan projek-projek baru untuk dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan.

Dalam pengagihan peruntukan kepada negeri-negeri, Kementerian mempunyai kriteria-kriteria tertentu iaitu kos pembinaan bagi tiap-tiap kilometer, kepadatan penduduk satu-satu kawasan dan faktor-faktor sumber ekonomi di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Dalam hubungan ini pihak negeri adalah bertanggungjawab dalam mengenalpasti keutamaan projek-projek yang akan. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang kriteria yang hendak diberikan, salah satunya ialah kepadatan penduduk. Kalau itu menjadi satu asas, bagaimana kepada jalan-jalan kalau hendak dikirakan di tempat itu penduduknya tidak ramai, tetapi jalan berkenaan adalah merupakan perhubungan di antara satu mukim dengan satu mukim yang lain pula. Saya mengambil contoh macam Mukim Pinang Tunggal dengan Mukim Sidam Kiri di kawasan Parlimen Sungai Petani. Kalau kira penduduk di situ memang tidak ramai. Tetapi ia adalah merupakan satu jalan perhubungan yang penting daripada Sungai Petani pergi ke Kulim merentas jalan ini yang lebih dekat. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, yang telah saya sebutkan tadi hanyalah kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kementerian bagi pemberian jalan-jalan di kawasan luar bandar. Bagaimanapun kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai masalah-masalah yang tersendiri, pihak Kementerian bersedia untuk memberikan pertimbangan yang lebih mendalam kepada masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan berkenaan dengan projek-projek di kawasan luar bandar ini pihak negeri adalah bertanggungjawab dalam mengenal pasti keutamaan projek-projek yang akan dilaksanakan

berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Berkenaan dengan peruntukan di bawah Rancangan Pemulihan Kampung, bagi tahun 1989. . . .

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Parit bangun minta penjelasan.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih. Dalam hubungan pentadbiran ataupun pengurusan kewangan projek-projek pembangunan ini banyak bergantung kepada Kerajaan Negeri dan saya mendapati terdapat beberapa kelemahan. Tetapi saya tidak tahu sama ada di negeri ataupun di pusat lebih-lebih lagi dari segi projek itu sendiri dan dari segi peruntukan itu kerana peruntukan keluar selalunya hujung tahun. Kalau macam di Perak saya difahamkan hujung tahun ini baru dapat (*Tepuk*) Mungkin saya salah. Tetapi kalau sudah lewat tahun kita hendak buat "sebut harga" lagi, hujan pula datang, dan kalau buat jalan pun kena hujan, habis begitu sahajalah belanja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Persilakan Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa projek jalan kampung akan diuruskan oleh Kementerian, kita telah dapat membelanjakan lebih daripada 90% daripada kewangan yang telah diperuntukkan. Bagaimanapun, yang menjadi masalah sedikit lagi Kementerian adalah jalan-jalan luar bandar di mana kita terpaksa mengambil tanah-tanah penduduk

kampung dan masalah pampasan yang perlu dibayar menimbulkan masalah kepada pihak Kementerian dan juga Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah membangkitkan berkenaan dengan peruntukan bagi pembangunan bekalan elektrik luar bandar yang mana mengikut Ahli Yang Berhormat bagi tahun 1981-1985 hanya separuh sahaja yang telah digunakan. Yang Berhormat telah menyebut angka \$950 juta untuk bekalan elektrik luar bandar. Sebenarnya adalah merupakan anggaran kos projek dan daripada anggaran tersebut sebanyak \$490 juta telah dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan bakinya seperti ditunjukkan sebanyak \$470 juta akan dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga telah membangkitkan berkenaan dengan tidak adanya apa-apa perbelanjaan yang dibuat bagi program-program RPK bagi tahun 1986 hingga kini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan diluluskan di bawah RPK bukanlah untuk membaiki rumah-rumah tetapi adalah bagi membiayai program pertandingan keindahan rumah dan keindahan kampung. Tiada apa-apa peruntukan diluluskan dalam tahun 1986. Program keindahan rumah dan kampung dimulakan dalam tahun 1987 sahaja. Program ini memakan masa 2 tahun untuk penilaian dan pemberian hadiah kemenangan yang hanya diberi di peringkat kebangsaan pada masa hadapan dan ianya merupakan program yang berterusan.

Dalam tahun pertama penilaian keindahan rumah dan kampung dibuat manakala di tahun kedua pula penilaian di peringkat Persekutuan akan dilaksanakan. Menurut yang dijadualkan pada penghujung tahun 1988 ini keputusan akan dibuat dan peruntukan yang dibelanjakan bagi pemberian hadiah berupa wang tunai

dan projek-projek pembangunan bagi kampung-kampung yang berjaya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar mencadangkan supaya industri kecil diutamakan kepada industri sokongan dan memberi tekanan kepada kawasan corridor seperti Pantai Timur, Kedah dan Perlis.

Kementerian memang mengambil berat tentang pembangunan industri sokongan. Namun begitu, Kementerian juga berusaha menggunakan industri kecil yang berasaskan sumber tempatan yang berpotensi. Bagi kawasan luar bandar dan di luar corridor industry, ini berasaskan sumber yang ditekankan sambil bagi kawasan corridor industri sokongan akan diberi keutamaan. Langkah ini adalah difikirkan penting supaya tiap-tiap kawasan mengambil kesempatan daripada comparative advantage, dengan izin, masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh membangkitkan berkenaan dengan Infokraf iaitu sebagai sebuah pusat pameran yang mengikut kata beliau boleh dibanggakan. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah meneliti dan mengikuti perkembangan Infokraf, Saranan Yang Berhormat diterima dan ianya telah dimasukkan dalam program tahun 1989. Unit-unit perusahaan yang lebih tersusun akan ditambah untuk menambah dan menjamin pengeluaran yang mencukupi. Mini Infokraf akan diwujudkan di tiap-tiap cawangan di seluruh negeri sebagai usaha promosi dalam negeri. Promosi di luar negeri telah digalakkan dan akan terus diteruskan daripada satu masa ke satu masa.

Dato' Haji Zainal Abidin bin Zin:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai

bangun. Tetapi saya ingin mengingatkan bahawa Yang Berhormat ada 6 minit lagi.

Dato' Haji Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya ada satu kejadian mengenai pameran kraftangan yang dihantar oleh MARA kalau tidak salah saya Timur Tengah. Baru-baru ini ada lebih kurang 7-8 orang kakitangan yang telah dihantar dan hasil daripada penjualannya katau tidak salah saya \$2,000 dan mengikut kata orang dalam lawatan itu kalau dibandingkan dengan pameran yang dibuat oleh negeri China yang menghantar kakitangan hanya 2 orang tetapi hasilnya lebih daripada \$1 juta. Saya hendak mendapat penjelasan dalam perkara ini daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada ini merupakan satu fitnah ataupun ianya merupakan satu kebetulan yang sememangnya kita menghantar bilangan yang begitu banyak tetapi hasil penjualannya kurang.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya tidak sedar perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi kalau kita lihat daripada perkembangan Karyaneka iaitu pusat pemasaran kraftangan yang diwujudkan oleh Kerajaan, kalau dahulu, misalnya mula-mula ditubuhkan Karyaneka hanya dapat menjual lebih kurang \$10,000 sebulan tetapi hari ini Karyaneka dapat menjual barang-barang kraftangan bernilai \$400,000 sebulan, bermaka hampir-hampir \$5 juta setahun. Kalau diambil jumlah kontrak-kontrak yang didapati oleh Karyaneka, Karyaneka dapat sehingga hampir-hampir \$11 juta setahun. Ini semua dapat diserahkan kembali kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya akan menyiasat perkara ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang

membangkitkan berkenaan dengan Jabatan Pembangunan Koperasi dan juga penjagaan jabatan ini terhadap koperasi perumahan. Suka saya menyatakan bahawa koperasi-koperasi perumahan menggunakan tenaga profesional untuk merancang dan seterusnya melaksanakan projek-projek perumahan. Segala perancangan dibuat dengan memuaskan untuk mendapatkan pembiayaan dari pihak-pihak luar khususnya institusi kewangan. Masalah yang timbul dalam pelaksanaan ialah:

- (i) harga-harga bahan-bahan meningkat terkeluar daripada kawalan koperasi;
- (ii) ahli-ahli tidak mendapat pinjaman sepenuhnya daripada institusi kewangan; dan
- (iii) ahli-ahli menarik diri di peringkat akhir.

Kementerian sedang menjalankan kajian keseluruhan projek-projek perumahan koperasi untuk membolehkan koperasi tersebut menyiapkan rumah-rumah yang terbengkalai. Koperasi-koperasi mendirikan rumah untuk keperluan ahli-ahlinya sahaja dan tidak kepada bukan ahli. Sebarang masalah berkaitan dengan projek tersebut bolehlah dirundingkan di antara ahli dengan koperasi melalui peruntukan yang ada dalam Akta dan Undang-undang Kecil Koperasi. Dengan yang demikian Kementehan ini berpendapat koperasi-koperasi perumahan terus dikecualikan dari bidang kuasa Kementerian Perumahan. Kementerian ini ingin memaklumkan Akta tersebut masih dalam semakan untuk dibuat pindaan di mana yang sesuai. Ketiga-tiga badan—Jabatan Pembangunan Koperasi, ANGKASA dan Maktab Pembangunan Koperasi sedang mempertingkatkan pendidikan kepada ahli-ahli bukan sahaja di peringkat ahli-ahli dewasa tetapi juga termasuk

kepada pelajar-pelajar di institusi pendidikan di negara ini.

Isu DTC yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah dalam proses untuk diselesaikan oleh pihak-pihak tertentu dan penyelesaiannya sedang dalam proses penerimaan oleh para pendeposit.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar membangkitkan berkenaan dengan pinjaman pelajaran MARA. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, MARA pada masa ini memberikan pinjaman dan tidak lagi biasiswa kepada pelajar-pelajar MARA. Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya diskaun bayaran balik kepada MARA diberi mengikut pencapaian pelajar-pelajar iaitu misalnya, mereka yang mendapat First Class Honours, dengan izin, dikecualikan daripada membayar pinjaman ini. Sebenarnya perkara ini memang dalam pengetahuan MARA dan telah pun kita memanjangkan kepada pihak JPA.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta Yang Berhormat menggulung.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Ya. JPA sedang membuat penilaian berkenaan dengan perkara ini dan apabila perkara ini diluluskan oleh pihak JPA ianya akan dilaksanakan oleh MARA.

Tuan Pengerusi, walaupun ada lagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, misalnya Yang Berhormat dari Kota Setar telah membangkitkan berkenaan dengan mini IKM, Yang Berhormat dari Pasir Mas membangkitkan soal MARA Holding dan Ahli dari Kota Setar membangkitkan berkenaan dengan FELCRA, saya hanya ingin menjawab berkenaan dengan MARA Holding yang dibangkitkan oleh Ahli dari Pasir Mas. Sekiranya Yang Berhormat itu ada bukti-bukti yang nyata dalam apa-apa penyelewengan

dalam MARA Holding, saya berharap dapat disampaikan kepada saya ataupun kepada Kerajaan perkara-perkara ini, kerana kepada saya Kerajaan tidak akan bertolak ansur berkenaan dengan penyelewengan jikalau ada, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Pengerusi, setakat itu sahajalah dan saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk memberikan sokongan kepada Kementerian berkenaan dengan peruntukan dan pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam masalah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$295,407,500 untuk Maksud B.54 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$295,407,500 untuk Maksud B.54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$826,853,600 yang disebutkan dalam Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan, 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$826,853,600 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1989.

Fasal 1 dan *2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam

senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 5hb Disember, 1988.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.